

nadi insan

OGOS 1979
KDN 0521/79
80 SEN

Wawancara:
JINS

MINYAK DI MALAYSIA:

**HARGANYA MELAMBUNG,
SIAPA YANG UNTUNG?**

- Seni Untuk Hidup
- Perjuangan Di Zimbabwe
- Serangan Serangga Bena Perang

**GROW
WITH**



**INSTANT
FULL CREAM
MILK
POWDER**

Enriched with vitamins A & D

**•DELICIOUS
•NUTRITIOUS**

nadi insan


Bilangan 4

Ogos 1979

pena penyunting	3
surat dari pembaca	4
wawancara	6
nasional	11
ekonomi	14
antarabangsa	17
kartun	19
pojok	23
pertanian	25
buku	26
seni	27
perubatan	30
cerpen	32
puisi	38
filem	40

Jins Shamsuddin
Dasar Minyak Negara
Kenaikan Harga Minyak
Perjuangan Di Zimbabwe
Pendidikan Di Guinea Bissau
Pencak Langkah
Serangan Serangga Bena Perang
Puisi Melayu—Indonesia
Seninya Mencerminkan Hidupnya
Demam
Akhirnya Xiao Zhen Pergi
Gagak/Pipit-pipit Di Jejambat
Keluhan Kelasi
Kisah Seorang Biduan

Jins Shamsuddin tidak perlu diperkenalkan lagi kepada rakyat kita. Jins sudah terkenal sebagai pelakun, pengarah dan penerbit filem. Dia juga pernah menjadi pemimpin kesatuan sekerja dan pejuang anti-monopoli. Wawancara dengan tokoh profileman ini bermula di m.s. 6.



Dari keluaran ini, siri bimbingan ekonomi memperbincangkan issuu-issu ekonomi semasa. Tajuknya di sini ialah implikasi kenaikan harga minyak baru-baru ini. Di sampingnya beberapa cadangan terhadap dasar minyak negara diutarakan.

Seni Lai Loong Sung mencerminkan hidupnya—yang gembira serta yang pahit. Jenis seninya—potongan kayu atau woodcut—adalah amat sesuai untuk dicetakkan dan diharapkan kami dapat menyampaikan gambaran tepat mengenai karya serta falsafah seniman luar biasa ini.



Serangan Serangga bena perang terhadap sawah padi di Malaysia bukan merupakan suatu perkembangan baru. Tetapi beberapa perubahan dalam amalan penanaman padi baru-baru ini telahpun mengakibatkan bertambah seriusnya masalah ini.

Para pembaca diingatkan bahwa bahan-bahan yang diterbitkan di dalam keluaran NADI INSAN ini tidak semestinya menggambarkan pendirian penerbit (INSAN) atau Sidang Penyunting majalah ini.

- penerbit : Institut Analisa Sosial (INSAN)
Peti Surat 26, Kajang, Selangor.
redaksi : Dr. Mohd. Nasir Hashim (Ketua), Mohd. Daud,
Dr. Jomo K.S., C. Ng. Rohana Ariffin
pelukis : H.S. Chia, Jaseni
pencetak : Penerbit Universiti Malaya, Lembah Pantai, K.L.

KUNJUNGILAH

Toko Buku Evergreen

DIURUSKAN OLEH ORANG YANG
MENGHARGAI ILMU PENGETAHUAN

WAKTU BUKA: 10.00 pagi hingga 10.00 malam

TELEFON: 483479

Bilik F111, Tingkat Pertama (Tingkat Pawagam)

Plaza Sungai Wang, Kuala Lumpur

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS

dari

PENROSS
PUBLICATION
SDN. BHD.

Publishers of HI LITE

Bila di Melaka

singgahlah di

MOTEL TANJONG KLING

Pantai Pengkalan Perigi

Tanjong Kling

Melaka

Berbagai-bagi pergolakan telah dan masih berlaku di luar dan di dalam tanahair kita. Masalah krisis minyak nampaknya masih belum reda lagi. Ini telah menimbulkan beberapa tekanan terhadap pihak-pihak tertentu, khasnya kepada golongan bawahan. Soalan yang sering timbul di kalangan masyarakat ialah adakah krisis ini disengajakan demi kepentingan dan keuntungan golongan tertentu ataupun disebabkan oleh salah perhitungan atau kurang kawalan terhadap kegunaan minyak untuk seluruh tanahair.

Dalam keluaran ini Saudari Suria Hamid mencuba membincangkan dan menganalisa krisis ini dan Saudara Chandran pula membentangkan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah ini. Kami juga berharap sumbangannya dapat meningkatkan lagi pengertian para pembaca berkenaan dengan perkara ini.

Kami telah mendapat peluang keemasan berwawancara dengan saudara Jins Shamsuddin, seorang seniman yang telah lama berkecimpung dalam dunia filem. Saudara Jins memanglah tidak asing lagi dari dunia seni, khasnya dunia profileman. Kegiatannya sebagai aktor yang serba kebolehan, pengarah dan penerbit filem yang handal dan sebagai pengasas PERFIMA yang gigih telah mendapat perhatian orang ramai. Saudara Jins juga mempunyai cita-cita yang besar dan mungkin di sini juga terletaknya punca kejayaannya.

Bersabit dengan Seni pula, kita berpeluang berdamping dengan karya Saudara Lai Loong Sung yang sungguh luarbiasa. Dia berjaya merumuskan dan merakamkan kepahitan dan kemanisan alam sekelilingnya melalui karyanya.

Di peringkat antarabangsa pula, kita telah menumpukan perhatian kita kepada perkembangan di selatan benua Afrika, kerana di sinilah berlakunya beberapa perjuangan mulia rakyat kulit hitam yang menentang penindasan berdasarkan warna kulit. Di samping itu kita juga berpeluang memahami lagi bagaimana negara-negara maju mengamalkan sikap bermula dua demi kepentingan dan keuntungan mereka masing-masing.

Cerpen bulan ini juga harus diperkenalkan. Ia merupakan percubaan pertama kami menterjemahkan bahan berasal dari bahasa Tionghua. Walaupun ini menggambarkan pengalaman seorang guru sementara Tionghua, kami rasa ceritanya juga mencerminkan pengalaman kebanyakan guru kita yang mempunyai cita-cita yang mulia. Selepas cerpen ini mula-mula diterbitkan beberapa tahun dahulu, ia telah menimbulkan perbahasan yang hangat di kalangan pembaca Tionghua. Bagaimana pula kali ini?

TAWARAN ISTIMEWA

PESANLAH LANGGANAN

nadi insan

- TERUS KE ALAMAT ANDA

- JIMATKAN WANG

HARGA LANGGANAN

Di Malaysia, Singapura dan Brunei:

	6 bulan	1 tahun
Harga langganan	\$4.00s.	\$7.00s.
Harga senaskah	.67s.	.58s.
Anda menjimatkan	.80s.	\$2.60s.

Di Luar Negeri (langganan setahun):

	Mel Biasa	Mel Udara
Asia Tenggara	\$10	\$20
Asia Selatan, Asia Timur, Australia, New Zealand	\$10	\$24
Timur Tengah, Eropah	\$10	\$32
Afrika, Amerika	\$10	\$40

- Pembayaran melalui pos harus menggunakan cek, kiriman wang (money order) atau kiriman pos (postal order) kepada 'INSAN'.
- Hanya pembayaran dengan matawang Malaysia, Singapura, Brunei, Amerika Syarikat dan Britain dapat diterima. (Kadar pertukaran: M\$8 ≡ S\$8 ≡ B\$8 ≡ US\$4 ≡ £2)

BORANG LANGGANAN

Nama dan alamat pelanggan/penerima langganan hadiah:

Nilai wang/cek/kiriman wang (money order)/kiriman pos (postal order) yang disertakan:

Langganan mula/sambung dengan bilangan nombor:

Sila kembalikan borang ini kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.



SURAT DARI PEMBACA

Indochina Mengakibatkan Pertentangan Antara Pembaca

Syed Muttalib, Pulau Pinang: Rencana G. Ming dalam *Nadi Insan* 2 mengenai krisis Indochina tidak membawa gambaran yang wajar. Misalnya, kerajaan Amerika Syarikat telah memainkan peranan yang penting dalam peristiwa ini juga. Setelah A. S. dihalau dari rantau itu pada tahun 1975, ia terus cuba memenculkan Vietnam dan Kampuchea dengan berbagai taktik. Oleh kerana Vietnam ingin membangunkan semula ekonominya, ia terpaksa mengeratkan hubungannya dengan Uni Soviet selepas usaha-usahanya untuk mendapat sokongan serta bantuan daripada pihak lain telah gagal. Nampaknya, hanya pandangan negeri China dicerminkan dalam artikel tersebut. Masalah Indochina adalah lebih kompleks daripada itu. Kalau *Nadi Insan* tidak dapat membincangkan sesuatu perkara secara seimbang dan mendalam saya rasa majalah ini tidak patut menimbulkannya.

A. Chandra, Kuala Lumpur: G. Ming's article in the second issue of *NI* was an interesting but woefully

inadequate analysis of the complexities of the Indochina crisis. While this brief letter cannot provide a more comprehensive discussion, the mention of the following points should provoke deeper consideration.

In a recent interview, the former Kampuchean head of state, Norodom Sihanouk, told a correspondent for the Far Eastern Economic Review, that the right-wing, pro-U.S. Khmer Serei forces were being materially aided by China against the Heng Samrin regime. According to Sihanouk, the Chinese will have to supply arms and pay them 'because the Khmer Serei do not fight for nothing, even if they get weapons.'

More recently, US Secretary of State, Vance has come out in support of Sihanouk forming a new government in Kampuchea over both Pol Pot and Heng Samrin. There have also been claims that the present leadership in China withheld much-needed material support from the Pol Pot government when it was in power because Pol Pot was allegedly linked to the 'Gang of Four.'

K. S. Voo, Petaling Jaya: 'Pergolakan di Indochina' dalam keluaran kedua *Nadi Insan* telah memerlukan saya. Saya gelisah yang *NI* sanggup menerbitkan makalah yang pro-Soviet itu. Walaupun Rusia sudahpun memainkan peranan yang amat merbahaya dengan menyokong usaha Vietnam yang *hegemonist* dan *chauvinist* itu, penulis karangan berkenaan tidak menyentuh aspek-aspek ini.

Sebaliknya, beliau telah mempersoalkan tindakan negeri China terhadap Vietnam yang telah berjaya menyelamatkan negara-negara Asia Tenggara, terutama sekali ASEAN, daripada ancaman utama di rantau ini.

Meskipun saya rasa kecuali dengan pendapat yang diutarakan dalam majalah tuan, saya tidak akan memulaukan majalah ini seperti pernah dicadangkan oleh beberapa rakan saya. Saya masih berharap sidang pengarang *NI* akan dapat memperbaiki majalah ini lagi.

Redaksi: Ada pepatah yang berbunyi: 'Orang di tengah jalan akan dilanggar pada dua belah.' Nampaknya, itulah nasib G. Ming (pengarang artikel berkenaan). Walau bagaimanapun, kami terus menjemput sumbangan (termasuk surat) yang mewakili segala jenis pendapat.



HO CHI MINH

Grup Pemuisi UKM

Wan Mat Wan Salleh, Grup pemuisi UKM, Bangi Selangor: Terlebih dahulu saya ucapkan tahniah di atas kejayaan pihak tuan menerbitkan majalah **Nadi Insan**. Tidak syak lagi, ianya bukan sahaja menambahkan kuantiti majalah-majalah semi-akademik yang ada, tapi juga akan memberi sumbangan yang tidak kecil kepada pembaca-pembaca amnya dan kepada mahasiswa-mahasiswa khasnya.

Sebagai sumbangan saya untuk majalah tuan itu, di sini saya kirimkan dua buah puisi moden yang kalau mungkin mendapat perhatian dan pertimbangan tuan.

Terlalu besar harapan saya agar sajak-sajak saya itu dapat bersama-sama dengan **Nadi Insan** untuk keluaran akan datang.

Redaksi: Sumbangan saudara sangat dihargai dan sedang dipertimbangkan untuk keluaran Nadi Insan yang akan datang.

Insan Bernadi AKTIF

Ahmad Jeffni bin H.M. Hassan, Maktab Perguruan, Lembah Pantai, Kuala Lumpur: Sebagai menyokong usaha sdr untuk melanjutkan usia **Nadi Insan**, majalah comel kesayangan sdr itu, selaku seorang penulis ingin juga saya menyumbangkan sesuatu tulisan dari semasa ke semasa, jika keadaan mengizinkan. Barangkali juga ahli-ahli **AKTIF** (di mana saya sendiri selaku **KETUA II**) akan turut juga menyumbangkan satu atau dua artikel, jika pihak sdr sudi menerima. Kebanyakannya dari ahli-ahli saya itu sedang 'hot' untuk menulis lebih-lebih lagi setelah mereka tamat mengikuti satu Kursus Penulisan Kreatif baru-baru ini. Ada di antara mereka itu memang arif dalam bidang masing-masing, biasa menulis, sudah banyak artikel mereka disiarkan di berbagai majalah dan akhbar. Tak ketinggalan juga ramai dari mereka baru mencuba-cuba, cuma barangkali penguasa-

an teknik menulis belum lagi mereka kuasai. Apa pandangan sdr?

Mengenai diri saya pula, saya lebih gemar menulis sajak, cerpen dan essei/rencana-semasa meliputi berbagai topik yang dijangka diminati oleh pembaca tiap-tiap majalah yang saya hantarkan artikel-artikel tersebut.

Dari segi profesyen, bidang saya ialah Teknologi Pendidikan (Educational Technology) dan adalah satu dua rencana ini yang pernah saya tulis di akhbar-akhbar tempatan. Mungkin saya akan mencuba juga ke **Nadi Insan**, itupun jika sdr sudi menyiarannya. . . Sebagai permulaan, bersama ini saya kirimkan dulu sebuah sajak yang menyorot tentang gelagat dan gara-gara sebilangan anak-anak gadis bangsa kita yang ligat dan berpinar 'vision' mereka terhadap 'false expectation' dalam mengejar erti hidup dalam sebuah kota besar.

Redaksi: Sokongan saudara amat menggalakkan. Dalam keluaran ini, kami siarkan sajak saudara.

JUALLAH **NADI INSAN**

PEROLEHI PENDAPATAN SAMPINGAN

Jikalau anda sanggup menjual **Nadi Insan** di tempat tinggal (kampung, asrama, dsb), tempat kerja (pejabat, kilang, sekolah, dll.) atau tempat belajar anda, anda boleh memperolehi pendapatan sampingan.

Kalau anda berminat, sila berhubung dengan pengurus **Nadi Insan** di alamat **INSAN** secepat mungkin.



PERADUAN! PERADUAN! PERADUAN!

REKABENTUK MASTHEAD

NADI INSAN

(UNTUK KULIT DEPAN)

Hadiyah-hadiyah yang bernilai akan diberi.

Sila hantarkan sumbangan anda ke alamat **INSAN**.

APA KATA JINS SHAMSUDDIN

Walaupun pada asasnya perkembangan perfileman Melayu harus dilihat sebagai perkembangan sebuah bidang perniagaan, namun sejarah perkembangan perfileman Melayu ini menjadi suatu hal yang amat menarik. Ini ialah kerana masalah perkembangan perfileman Melayu ini telah menjadi isu yang melibatkan perasaan kebangsaan, terutamanya kepada peminat-peminat filem Melayu itu sendiri.

Jins Shamsuddin yang diwawancara oleh Nadi Insan dalam keluaran ini boleh dianggap sebagai jurubicara yang mengetahui sejarah perkembangan perfileman Melayu. Beliau adalah seorang pelakon, pengarah syarikat filem, dan yang lebih penting lagi, pejuang yang gigih bagi orang-orang yang menggantungkan hidup dalam dunia perfileman dan hiburan di negeri ini.



NI: Bagaimanakah sdr Jins mula terpikat ke dalam dunia filem.

Jins: Sebenarnya saya tiada minat dalam dunia filem sebab dalam keluarga saya sendiri bukan keluarga seni. . . Pada mulanya, saya ingin belajar *electrical engineering* di luar negeri. . . Dalam masa tiga bulan menanti keputusan peperiksaan, saya pergi ke Singapura. Di sana saya ditawarkan berlakon dalam sebuah drama menggantikan *leading man* kerana emaknya meninggal dunia sebulan sebelum drama itu nak dipentaskan. . . Dalam pentasannya itulah, saya telah *dispot* oleh orang dari Shaw Brothers. . . Di studionya di Jalan Ampas pula, saya diberi *screen test* oleh P. Ramlee sendiri dan dia lah yang memilih saya berlakon dalam filem *Panca Delima*.

P. Ramlee

NI: Apa pandangan sdr. terhadap P. Ramlee?

Jins: Kelahiran saya di dunia filem adalah berpunca dari P. Ramlee. . . Saya mempelajari segala selok-belok mengenai dunia perfileman dari P. Ramlee sebelum saya belajar ke luar negeri. Beliau bolehlah saya anggap sebagai guru, bapa, abang—segala-galanya. . . Beliaulah yang menjadi semangat bagi saya untuk hidup terus dalam dunia perfileman Melayu.

NI: Apakah sifat-sifat P. Ramlee yang menjadikan ia begitu terkenal?

Jins: Adakah orang lain yang sama seperti P. Ramlee?

NI: Mungkin orang lain tidak berpeluang

Jins: Bukan soal peluang. Romai Noor lebih awal dari P. Ramlee. Begitu juga Ahmad Mahmud, Osman Gumanti, M. Amin dan lain-lain yang lebih awal. P. Ramlee tidak mempunyai pelajaran tinggi dan ber-



Dengan P. Ramlee dalam *Di Belakang Tabir*

perawakan sederhana. Ia tidak angkuh dan sompong. Semua orang suka padanya. Tidak seperti setengah orang yang berlagak sompong setelah menjadi bintang filem yang terkenal. Kemungkinan, sejak akhir-akhir (hidup P. Ramlee), dia dapat karya-karya beliau tidak menarik lagi. Ini ada sebab, iaitu, ia jemu dalam memperjuangkan dunia perfileman. Tidak dihargai....

Filem-filem P. Ramlee pada peringkat awal adalah sangat bermutu. Ia tidak pernah pergi belajar di mana-mana pun. Ia seorang yang begitu berbakat dan belajar sendiri. Apabila ia pergi ke pesta-pesta filem, ia bertemu dengan pengarah-pengarah filem asing, ia bertemu. Di situ lah ia belajar. Itulah yang dilakukannya. Saya menghargai P. Ramlee bukanlah kerana beliaulah yang mula-mula membawa saya ke dunia perfileman. Soalnya ialah, selain dari P. Ramlee, tidak ada orang yang benar-benar serius dalam kerja-kerja nya. Ia benar-benar ingin menaikkan imej filem-filem Melayu.

- NI:** Sejauh mana P. Ramlee cuba memperkatakan tentang masalah rakyat jelata dalam filem-filemnya?
Jins: Misalnya dalam filem *Penarik Beca*, ia cuba memperjuangkan nasib penarik beca. Ia ingin menaikkan taraf penarik beca yang walaupun tidak berpelajaran, miskin, tetapi mempunyai hemah yang tinggi.

Dalam filem *Ibu Mertuaku*, P. Ramlee menunjukkan bagaimana seorang pemain muzik yang hina mempunyai jiwa yang mulia. Filem *Antara Dua Darjah* pula mempersoalkan tentang apakah

darjah itu boleh terus menetapkan seseorang itu pada kedudukan yang tinggi. Pada P. Ramlee itu tidak semestinya demikian.

Tema Filem Melayu

- NI:** Adakah tema-tema sedemikian masih terdapat dalam filem-filem Melayu sekarang ini?
Jins: Ya, Filem *Menanti Hari Esok*.
NI: Filem ini memperkatakan masalah orang kelas menengah.
Jins: Begini, kita tidak boleh memuaskan hati semua orang. Jika kita keluarkan filem untuk golongan bawahan, orang lain akan kata filem itu rendah tarafnya. Kalau kita buat filem untuk golongan terpelajar, orang lain mungkin tak berminat untuk menuntutnya. Untuk mengatasi masalah ini, kita ambil jalan tengah.
Dalam membuat filem, kita mengharapkan dua perkara. Pertama, kualitinya dan kedua kita juga mengharapkan filem itu menjadi *box office*.
NI: Kalau kita perhatikan tema filem di negeri-negeri Amerika Selatan, India dan negeri-negeri Dunia Ketiga yang lain, suatu unsur yang terdapat ialah, mereka memperjuangkan nasib rakyat. Dalam filem-filem Melayu sekarang ini tema-temanya seperti ini tiada lagi.
Jins: Itulah yang saya katakan tadi, kita mempunyai masalah mengenai penonton. Penonton-penonton filem ini berkasta-kasta. Ada golongan atasan, bawahan dan pertengahan. Ini belum lagi boleh kita pecahkan. Di India, penonton-penonton terdiri

Saya terima surat dari Lee Kuan Yew yang menyatakan: Tinggalkan negeri ini atau jangan aktif lagi dalam kesatuan....

dari satu kasta sahaja kerana majoriti rakyatnya miskin. Filem-filem India memperkatakan tentang nasib rakyat miskin itu. Filem-filem yang dibuat cuba menaikkan taraf hidup mereka. Ditunjukkan, orang miskin gilakan orang kaya, orang kaya bencikan orang miskin, akhirnya orang miskin dapat berkahwin dengan orang kaya. Ini ialah untuk menghayalkan orang-orang miskin kerana sebenarnya selepas menonton dan pulang ke rumah, mereka tetap miskin. Di India, mereka tidak menghadapi masalah saingan filem asing, sedangkan di negeri ini 99.9% adalah filem-filem asing.

Di India, filem asing hanya boleh ditonton sebulan sekali. Kalau di India, filem-filem asing boleh dibawa masuk dengan bebas barangkali filem tempatannya tak laku....

NI: Apakah kesan dari kemasukan filem asing, terutamanya filem-filem Indonesia?

Jins: Saya rasa filem-filem Indonesia tidak menimbulkan masalah. Kalau dibandingkan kualiti filem Indonesia dengan filem kita, saya rasa filem kita lebih tinggi mutunya. Filem-filem Indonesia kebanyakannya untuk komersial. Kebanyakan cerita-ceritanya berbau sex.

Filem-filem Indonesia—ada yang dibiayai oleh orang-orang China yang menetapkan ceritanya selain dari membawa masuk juru-juru teknik asing. Banyak pula filemnya hanya merupakan *carbon copy* dari filem-filem asing. Jadi, mutunya telah jatuh. Filem *The Other Side Of Midnight* juga ditiru di Indonesia. Semuanya sama.

Hal-hal inilah yang menjatuhkan filem-filem Indonesia. Ia tidak ada *originality*. Olch itu jika terdapat bintang-bintang filem Indonesia yang berlakun dalam filem kita, itupun tidak akan merosakkan filem-filem kita ataupun menggugat pelakon-pelakon tempatan. Mutu lakonan tidak ada beda. Malah kadang-kadang kita lebih baik lagi.

Tetapi ada pula kalanya mereka (pengeluar filem Indonesia) menggunakan pelakon-pelakon kita untuk peranan yang kecil walaupun pelakon-pelakon kita itu telah begitu terkenal. Ini berlaku pada Norazizah dan Sarimah. Saya pernah ditawarkan untuk berlakon dalam filem Indonesia untuk peranan yang kecil. Ini saya tolak kerana ia akan menjatuhkan taraf pelakon-pelakon kita. Ini bergan-

tung pada perseorangan. Kalau saya menjadi watak utama dalam filem itu, saya mungkin terima... pada pendapat saya, '*I am the king here*,' mereka harus menghormati hakikat ini. Saya juga menghormati mereka di Indonesia.

Seniman Adalah Pekerja Juga

NI: Apakah pengalaman sdr. Jins yang paling penting sewaktu berada di studio Jalan Ampas, Singapura?

Jins: Mogok pekerja-pekerja studio Jalan Ampas. Saya waktu itu menjadi pengemis PERSAMA, iaitu persatuan Artis Malaysia. Ini tahun 1964. Mogok yang pertama pada tahun 1957, waktu saya mula berlakon dalam filem *Panca Delima*. Sejak itu saya mula terlibat. Kedudukan saya mula tergugat.

Sewaktu mogok tahun 1957 itu, P. Ramlee menjadi pengurus PERSAMA. Apabila saya aktif dalam PERSAMA, saya dilantik menjadi wakil dalam SGEU (sebuah kesatuan sekerja) di bawah Barisan Sosialis. Jadi kegiatan saya sudah berbau politik pula. Di Singapura kalau tak main politik, tak dapat apapun.

Saya mula pergi berkempen ke kampung-kampung Melayu. Ketika itu kedudukan Barisan Sosialis kuat. Jadinya ahli-parlimenpun jadi kawan kita. Pada suatu masa, ramai ahli-parti pembangkang ini ditangkap dan ditahan. Saya terima surat dari Lee Kuan Yew yang menyatakan: Tinggalkan negeri ini atau jangan aktif lagi dalam kesatuan, sebab saya rakyat Malaysia, saya tak ada pilihan. Syarikat Shaw kemudiannya hantar saya ke Hong Kong, saya bekerja di sana selama dua tahun. Kalau tidak, saya kena tahan.

Sebelum itu, saya yang telah dilantik menjadi pengurus PERSAMA bergiat menentang pihak majikan, iaitu Syarikat Shaw. Kami menuntut kenaikan upah dan layanan yang memuaskan. Kami tidak mahu lagi mematuhi kontrek dengan Syarikat Shaw.

Waktu itu P. Ramlee telah berpindah ke Kuala Lumpur selepas ia tak lagi jadi pengurus PERSAMA. Fasal kesatuan, saya berselisih faham dengan dia. Lima tahun saya tak bercakap dengannya. Ini bukan fasal peribadi, tapi kesatuan. P. Ramlee tak ada disiplin. Dia datang kerja ikut suka hati sahaja. Ini tak bolch. Tapi memang seniman susah nak ada disiplin.

Bila saya kena tukar ke Hong Kong, Aziz Jaafar ambil alih jadi pengurus. Dia dan kawan-kawannya termasuk Saleh Kamil, telah menumbuk pengurus Shaw. Mereka tak fikir panjang. Saya gunakan 'gergaji dua mata.' Saya tak akan buat begitu. Akibatnya studio Jalan Ampas ditutup. Saya dengar khabar ini di Hong Kong. Pendekatan mereka salah...



Bukan Salah Ibu Mengandung— Filem arahan Jins Pertama

NI: Kemudian?

Jins: Bila saya balik dari Hong Kong, saya disuruh bekerja di Studio Merdeka. Saya di situ dua tahun. Saya bertujuan untuk membuat filem yang agak baik, tapi Shaw Brother suruh saya terjemahkan filem Hong Kong untuk dijadikan filem Melayu. Saya menolak. Sayapun tidak dapat tempat lagi di Studio Merdeka. Saya tak mahu dibeli. Omar Röjik setuju. Dia buat filem *Lanang Sejagat, Keranda Jingga*. Itu semua filem China. Filem Chinapun dicedok dari filem Italy. Cedok atas cedok.

Saya keluar negeri dengan pinjaman MARA. Bila saya balik dari luar negeri saya berhenti dari Syarikat Shaw. Saya suruh P. Ramlee juga berhenti dari Shaw. Syarikat Shawpun bawa kelengkapan dari Hong Kong beserta pengarahnya sekali. Ada orang pula dijadikan pengarah Ali-Baba. Saya tubuhkan PERFIMA. Inilah perjuangan dalam dunia filem Melayu.

Monopoli Filem

NI: Apa pendapat sdr. Jins mengenai monopoli dunia filem tempatan oleh syarikat-syarikat Cathay dan Shaw Brothers?

Jins: Yang diketahui ramai ialah syarikat Cathay dan Shaw yang menolong industri perfileman di Malaysia. Sebenarnya ini tidak. Mereka yang menjatuhkan, yang menjahamkan industri filem di negara ini. Sebab, mereka ini membawa suatu unit pembuat filem yang lengkap dari Hong Kong untuk membuat filem Melayu. Mereka nyatakan bahawa filem itu diarahkan oleh orang Melayu, sebenarnya yang mengarahkan ialah Chong Ah Kong. Adakah ini memberi peluang dan menaikkan kemajuan filem tempatan? Ada orang sanggup namanya di 'Ali-Babakan.' Pada saya 'no way.' Ada pengarah Melayu lens kemerapun tak pernah tengok. . . Ada beberapa filem Melayu, begitulah gayanya. Saya disuruh buat begitu, saya tak mahu. Saya mempunyai prinsip yang kokoh.

NI: Bagaimanakah sokongan pihak kerajaan terhadap perjuangan sdr. Jins ini?


Jins: Kami akan bertemu dengan Menteri Kewangan untuk mendapatkan penjelasan kenapa pembuatan. Tidak ada. Tetapi kerana semangat kebangsaan saya kuat, saya ingin filem Melayu dikembangkan di negara ini, maka saya berpindah ke mari. Saya ditawarkan untuk membuat filem di Singapura. Saya tolak.

NI: Apakah masalah yang sebenarnya dihadapi oleh filem Melayu.

Jins: Saya katakan masalah sebenar ialah sistem monopoli yang tidak sihat. Ini ialah kerana sistem *free enterprise* yang ada di negeri ini adalah tidak sihat. Dari segi dunia perfileman, tetap sekali tidak sihat.

filem-filem Melayu dikenakan berbagai-bagai cukai. Di negara-negara lain, filem-filem tempatan di berikan galakan. Bila saya membuat filem, saya terpaksa membayar cukai hiburan, cukai impot, peralatan, cukai bahan mentah (filem), cukai syarikat. Siapa nak buat filem? Merugikan.

Baik saya buat filem di Singapura. Saya tak perlu bayar cukai-cukai tadi dan tak perlu pula bayar cukai impot. Manakah galakan dari kerajaan?



Jefrizain dalam Gerak Kilat

Sepatutnya diwujudkan sistem *free enterprise* yang terpimpin. di Amerika terdapat *Anti-Trust Law*. Kalau saya mempunyai panggung wayang, kita tak boleh mengedarkan filem dan kita tidak boleh mengeluarkan filem. Oleh itu boleh wujud beratus-ratus pemilik panggung-panggung wayang, pengedar, pengeluar filem, dan pengimpor filem. Ini baru adil. Kerana semua orang berhak. Oleh itu tidak ada monopoli.

Sekarang ini, mereka (Cathay dan Shaw Brothers) membuat filem, mengedarkannya, memiliki panggung-panggung wayang, mengimpor filem dan lain-lain. Mana ada keadilan kalau sekarang ini saya impot filem dari India, di mana saya nak tayangkan? Saya tak ada panggung wayang. Monopoli ini boleh membawa kepada sabotaj, tapi monopoli itu bunyinya sedap sedikit.

Filem Sebagai Seni

NI: Apa pendapat sdr. Jins mengenai SENIMAN?

Jins: SENIMAN ialah pertubuhan yang sangat baik. Pertubuhan orang-orang seni ini mengambil masa untuk menguatkan kedudukannya. Kini pucuk pimpinannya mula kokoh. Pada masa ini, SENIMAN masih lagi dalam peringkat bayi, masih belum mampu lagi memperjuangkan nasib keseluruhan seniman tanah air. Walaupun saya bukan ahli SENIMAN, saya ialah penyokongnya yang kuat.

NI: Apa pendapat sdr. Jins mengenai gabungan antara GAPENA dengan SENIMAN

Jins: Saya rasa ini baik. Ia sangat luarbiasa.

NI: Pada pendapat saudara apakah peranan seni dalam kehidupan masyarakat?

Jins: Seniman ialah seorang manusia yang membuat pengakuan kepada masyarakat dengan jiwa yang halus menerusi karyanya. Seniman dapat menyampaikan mesejnya kepada masyarakat. Itulah peranannya. Pada saya seni ialah untuk masyarakat dan bukan seni untuk seni. Tetapi bukanlah semua seniman dapat memainkan peranan yang positif untuk masyarakat.

Yang perlu kita ingat ialah masyarakat seniman di negeri kita baru lahir dua hari lamanya. Ini ibarat mereka lahir dari *environment* dan bukan lahir daripada masyarakat seniman yang telah berakar umbi. Mereka tidak lahir dari suatu sekolah atau *training centre*. Mereka menjadi seniman hasil dari apa yang dilihat, yang ditonton di sekeliling mereka. Kita dapat faham kebolehan mereka.

NI: Adakah sdr Jins terpengaruh kepada apa yang sdr. lihat di luar negeri.

Jins: Saya ada prinsip hidup sendiri. Saya tidak mudah dipengaruhi. Tidak dengan wang ringgit, tidak dengan wanita dan tidak dengan apa sahaja. Walaupun saya ke luar negeri, bertemu dengan pengarah dan pelakun-pelakun asing, saya tidak terpengaruh. Saudara boleh lihat hal ini dalam filem-filem saya. Barangkali pengarah-pengarah lain boleh dipengaruhi. Adakah lojik, misalnya, seorang yang tinggal di negeri panas berkot dan bertali leher, memandu kereta sport? Lojik. Adakah lojik seorang tukang jahit berkot dan bertali leher siang malam? Itu pengaruh Barat. Begitulah jadinya.



Si Tanggang

DASAR MINYAK: SATU TINJAUAN SERTA BEBERAPA CADANGAN

M. S. Chandran

Petroliam merupakan satu sumber alam yang tidak boleh diperbaharui. Pengeluaran petroliam mentah Malaysia adalah kira-kira 240 ribu tong (*barrels*) sehari. Ini menghasilkan pendapatan hampir 3.44 ribu juga ringgit setahun. Penggunaan minyak di Malaysia (dalam bentuk petrol, disel, minyak tanah dan sebagainya) berjumlah 145,600 tong sehari sahaja. Walaupun kita menggunakan sebanyak lebih kurang 60% dari apa yang kita hasilkan, sebenarnya kita menggunakan hanya 20% sahaja dari minyak mentah tempatan. 80% yang selebihnya diekspot.

Kenaikan Harga—Meneliti Sebab-sebabnya


Walaupun Malaysia merupakan pengekspot minyak mentah, namun kita juga mengalami kenaikan harga hasil-hasil petroliam sejak tahun 1973 bila harga minyak dari pengeluar-pengeluar OPEC (*Organization of Petroleum Exporting Countries*) telah mula naik empat kali ganda. Inflasi tinggi juga mula dialami pada tahun itu. Bukan sahaja harga minyak disel dan minyak tanah yang meningkat, tetapi kekurangan bekalan minyak-minyak ini sering dihadapi. Inipun telah membebankan rakyat jelata.

Untuk menerangkan sebab-sebabnya, kita mestilah mencari sebab mengapa kita mengimpot 97,600 tong sehari dari negeri-negeri Timur Tengah dan tidak menggunakan petroliam tempatan kita sendiri. Gergasi-gergasi multinasional—seperti syarikat Exxon dan BP-Shell International membekalkan minyak mentah Timur Tengah kepada syarikat tunjangnya, seperti Esso Malaysia dan Shell Malaysia yang memiliki kilang-kilang penapis di Port Dickson, dengan harga maksima yang akan dapat dibeli di pasaran antarabangsa. Harga-harga ini tidak semestinya berdasarkan kepada har-



Gas dari pelanta minyak dibakar

ga minyak mentah yang dibayar di Timur Tengah ditambah pula dengan harga pengangkutan, bayaran insuran dan perbelanjaan pemasaran.



Kilang penapis minyak

Keuntungan Multinasional Minyak Terus Meningkat

Dalam tahun 1974, sejurus selepas krisis tenaga, syarikat-syarikat minyak multinasional sebenarnya telah memperoleh keuntungan dengan kadar 25% lebih daripada kadar keuntungan perniagaan lain di Amerika Syarikat. Anggaran keuntungan bagi suku penggal pertama tahun ini (1974) ialah kenaikan sebanyak 100% dibandingkan dengan tahun lepas.

... syarikat-syarikat minyak haruslah diperlukan ber-setuju mengurangkan keuntungan mereka.

Kilang-kilang penapis di Port Dickson, sebagai syarikat tunjangan syarikat multinasional ini, membeli minyak mentah dari Timur Tengah dengan harga yang amat tinggi. Kenaikan seterusnya akan ditanggung oleh pengguna kerana syarikat-syarikat ini akan mencapai matlamat biasanya untuk memperoleh perkembangan dan keuntungan maksima.

Akta Pembangunan Petroleum 1974 membenarkan kerajaan Malaysia mempunyai kuasa penuh terhadap penapisan minyak petroleum dan pengeluaran bahan-bahan petrokimia. Kerajaan juga boleh mens-

tabilkan harga hasil-hasil petroleum dan menjaminkan pembekalannya yang mencukupi untuk keperluan tempatan dengan pelaksanaan Akta ini.

rata penggunaan tempatan sebanyak 7% dan tiadanya keperluan pelaburan baru untuk perkembangan kilang dan mesin sehingga tahun 1980, keuntungan minyak akan terus bertambah. Oleh itu syarikat-syarikat minyak haruslah diperlukan ber-setuju mengurangkan keuntungan mereka. Di samping itu subsidi dari kerajaan akan terus menggalakkan iklim pelaburan bagi modal asing.

Tapiskan Semua Minyak Tempatan

2. Kerajaan mestilah mengarahkan kilang-kilang penapis minyak di Port Dickson menjalankan perubahan-perubahan teknikal yang perlu bagi menaikkan lagi kuota memproses minyak tempatan dari 30% kepada 100% dari jumlah penggunaan. Menapis lebih banyak minyak mentah tempatan mungkin tidak akan dapat mengeluarkan kuantiti untuk hasil-hasil yang berbagai-bagai itu dalam jumlah yang diperlukan oleh Malaysia. Akibatnya hasil-hasil minyak yang lebih berat seperti disel dan minyak tanah mungkin mengalami kekurangan, dan minyak-minyak ringan seperti minyak kapal terbang dan petrol mungkin lebih banyak dikeluarkan. Ini dapat diatasi sekiranya pasaran tempatan bagi petroleum dapat diintegrasikan dengan pasaran ASEAN di mana pengeluaran yang berlebihan dalam hasil-hasil petroleum yang tertentu dapat ditukarkan demi faedah bersama.

Ambilalih Peimpotan Minyak

3. Akta Petroleum Nasional, Seksi 6(1) membenarkan kerajaan mengambil alih pembekalan minyak mentah yang diimpor daripada syarikat-syarikat multinasional yang menguasainya sekarang. Dengan ini pembekalan minyak kepada syarikat-syarikat tunjangan tempatan akan dipotong.

Sekiranya kerajaan menimbangkan pilihan ini, maka Petronas dapat mendirikan pejabat di Timur Tengah untuk berunding secara

Pada pandangan saya, kerajaan haruslah menimbulkan peluang-peluang berikut:

Beban Kenaikan Harga

1. Syarikat-syarikat minyak yang menapis minyak mentah impot mestilah menanggung sebahagian dari beban kenaikan harga dan kerajaan pula boleh menanggung beban kenaikan yang selebihnya dengan mengadakan subsidi yang diperoleh daripada ekspot minyak

tempat (Lihat artikel lain dalam kejadian ini). Permintaan ini amatlah sesuai kerana syarikat-syarikat seperti Esso Malaysia Berhad telah mendapat keuntungan sebelum cukai sebanyak \$45.5 juta dalam tahun 1978 berbanding dengan \$10.57 juta dalam tahun 1977. Ini memberikan kadar keuntungan 14.6% berdasarkan perbelanjaan purata yang digunakan. Penjualan Esso dalam tahun 1978 berjumlah 14.4 juta tong, 700 ribu tong lebih dari tahun 1977. Keuntungannya (tidak termasuk cukai dan eksais) adalah \$600.5 juta.

Dengan bertambahnya kadar pu-

langsung dengan kerajaan-kerajaan di sana bagi membeli minyak mentah dengan harga kontrek. Harga-harga itu jauh lebih rendah dari harga pasaran. Misalnya, minyak mentah Kuwait dapat dibeli dengan harga US\$14.54 setong, iaitu US\$2.40 setong kurang daripada harga di pasaran terbuka.

... kerajaan mestilah menimbulangkan semula penggantungannya kepada minyak sebagai sumber tenaga.

Kelebihan dalam kapal-kapal tangki dijangka berakhir dalam masa 5 tahun lagi. Di Labuan, terdapat 22 kapal tangki yang tidak digunakan. Melalui MISC (*Malaysian International Shipping Corporation*), Petronas boleh mengadakan kontrek untuk menggunakan beberapa buah kapal tangki ini untuk mengangkut minyak mentah dari Timur Tengah ke Malaysia dan membekalkan pula minyak mentah Malaysia ke negara-negara jiran semasa belayar ke Timur Tengah. Penjimatan dalam harga pengangkutan dan perbelanjaan lain, pengumpulan kemahiran yang bernilai dalam soal membuat kontrek dan pemasaran minyak mentah dan perhubungan yang lebih baik dengan negara lain di rantau ini akan dapat dicapai melalui Petronas.

Dirikan Kilang Penapis Baru

4. Untuk menstabilkan harga hasil-hasil petroliam, sebuah kilang penapis yang baru untuk memproses minyak mentah tempatan haruslah dibina. Ini dapat mengukuhkan kedudukan kita untuk berdikari dari segi keperluan tenaga.

Pada masa ini permintaan tempatan untuk hasil-hasil petroliam melebihi pengeluaran tempatan sebanyak 14%. Sebuah kilang penapis baru mungkin mengambil masa sekurang-kurangnya 2 tahun untuk dibina. Ini akan meringankan perbelanjaan ke luar negeri untuk mengimpot hasil-hasil petroliam. Pengumuman kerajaan untuk mendirikan

sebuah kompleks petroliam, termasuk sebuah kilang penapis minyak di Trengganu haruslah dipuji.


Pelbagaiakan Sumber Tenaga

Kerajaan bertanggungjawab menstabilkan keadaan ekonomi negara dan ini tidak akan dapat dicapai sekiranya kestabilan harga serta be-

minyak akan membawa akibat yang buruk kepada keadaan sosioekonomi rakyat.

Akhirnya, kerajaan mestilah menimbulangkan semula penggantungannya kepada minyak sebagai sumber tenaga. Dengan potensi yang banyak dari segi tenaga hidro, gas asli dan arang batu di Sabah dan Sarawak, penggantungan Lembaga Letrik Negara terhadap minyak untuk menjalankan 95% daripada jumlah tenaga letrik negeri adalah sukar difahami. Cadangan di atas ini patutlah dipertimbangkan dengan serius.

Dengan potensi yang banyak dari segi tenaga hidro, gas asli dan arang batu . . . , penggantungan Lembaga Letrik Negara terhadap minyak . . . adalah sukar difahami.



KENAIKAN HARGA MINYAK: KESENGSARAAN RAKYAT

Suria Hamid

Pada 1hb. Jun yang lepas, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, telah mengumumkan kenaikan harga semua minyak (iaitu minyak petrol, disel dan minyak tanah) di negeri ini. Menurut pengumuman itu, harga segelen petrol (premium dan regular) dinaikkan sebanyak 10 sen, disel sebanyak 2 sen dan minyak tanah sebanyak 28 sen. (lihat Jadual 1).

wangan, Tengku Razaleigh Hamzah, pada 24hb. April yang lepas dalam mana beliau menegaskan bahawa kerajaan **TIDAK** akan membenarkan syarikat-syarikat minyak mewajahkan harga minyak. Alasan yang diberi beliau ialah kerana *syarikat-syarikat minyak telahpun memperolehi keuntungan yang banyak*.

Kesan Kenaikan Harga

Rakyat menyambut baik kenaikan

Minyak tanah merupakan bahan api yang penting kepada rakyat berpendapatan rendah di desa dan di bandar. Tanpanya, pelita-pelita minyak tidak akan dapat mencrangkan rumah-rumah dan gerobok buruk rakyat miskin di waktu malam. Tanpanya juga, suri-suri ruangtangga tidak akan dapat menggunakan dapur minyak tanah mereka untuk memasak. Oleh kerana itu kenaikan harga minyak tanah

Jadual 1: Kenaikan Harga Minyak (mulai 4 Jun, 1979)

Orang ramai		Pekilang-pekilang				
	harga sekarang (satu gelen)	harga dulu (satu gelen)	perubahan (%)	harga sekarang (satu gelen)	harga dulu (satu gelen)	perubahan (%)
Minyak Petrol (premium)	\$3.48	\$3.38	+ 3.0	—	—	—
Minyak Petrol (regular)	\$3.10	\$3.00	+ 3.3	—	—	—
Disel	\$1.20	\$1.18	+ 1.7	1.20	1.40	-14.3
Minyak Tanah	\$1.10	\$0.82	+34.2	1.10	1.75	-59.1

Mengikut Dr. Mahathir, kenaikan ini tidak dapat dielakkan kerana jika harga minyak tidak dinaikkan ia mungkin akan diseludupkan keluar negeri untuk mendapatkan harga yang lebih tinggi. Oleh itu, untuk mengelakkan kekurangan bekalan minyak, beliau berpendapat yang harga minyak di negeri ini terpaksa dinaikkan. Pengumuman ini sungguh memerlukan orang ramai, terutama mereka yang berpendapatan kecil. Mereka masih lagi ingat akan kenyataan Menteri Ke-

taan yang melapangkan dada itu dan berharap sungguh yang kerajaan tidak akan mengubah pendiriannya. Tetapi, alangkah hampinya mereka apabila mendengar pengumuman harga minyak yang terbaru itu. Kekeciwaan itu sungguh dirasa oleh rakyat berpendapatan rendah kerana minyak tanahlah yang mengalami kenaikan harga yang pesat sekali, iaitu kenaikan sebanyak 34% berbanding dengan 1.7% bagi disel dan 3% bagi minyak petrol.

yang pesat itu pasti akan membantah mereka yang berpendapatan rendah.

Sebaliknya, kenaikan harga minyak petrol dan disel adalah kecil. Kedua-dua bahan api ini digunakan oleh mereka-mereka yang mempunyai motokar dan kendaraan lain. Selalunya, mereka ini adalah terdiri dari orang-orang kelas pertengahan dan kelas atas. Oleh yang demikian, perbedaan dalam kenaikan harga-harga minyak itu lebih menguntungkan orang-orang berada.

dan membebankan orang-orang yang berpendapatan kecil. Akibatnya jurang antara orang-orang yang kaya dengan yang miskin akan bertambah luas.

yang lebih rendah, (lihat Jadual 1). Tindakan ini sungguh menguntungkan para pekilang.

Mengikut Dr. Mahathir lagi, untuk melaksanakan struktur harga

minyak yang baru ini, pihak kerajaan terpaksa menambahkan subsidi dari \$77 juta kepada \$110 juta setahun. Tetapi, jika dikaji secara mendalam, kebanyakan dari kenaikan dalam subsidi ini adalah disebabkan oleh penghapusan sistem dua harga untuk disel dan minyak tanah. Dengan adanya struktur harga minyak yang baru ini, kita dapatli bahawa para pekilang telah diberi satu bentuk subsidi baru lagi, manakala rakyat lain, terutama mereka yang berpendapatan kecil, terpaksa menanggung beban kos belanja hidup yang lebih tinggi.

Keuntungan Syarikat Minyak Meningkat

Dengan terlaksananya struktur harga minyak yang baru ini, syarikat-syarikat minyak telah sekali lagi berjaya dalam usaha mereka untuk mengalihkan kesan kenaikan harga minyak dalam pasaran antarabangsa kepada rakyat negeri ini. Dengan berbuat demikian, mereka bukan saja dapat mengekalkan kedudukan keuntungan mereka, malah dapat membaikinya.

Jadual 2 dengan jelas dapat menunjukkan keuntungan yang diperolehi oleh syarikat-syarikat minyak



Menggunakan minyak tanah untuk memasak

... manakala rakyat lain, terutama mereka yang berpendapatan kecil, terpaksa menanggung beban kos belanja hidup yang lebih tinggi.

Sistem Harga Dua Peringkat Dan Subsidi

Di samping itu, Dr. Mahathir juga telah mengumumkan penghapusan sistem harga dua peringkat untuk disel dan minyak tanah. Sebelum ini, kerajaan telah menetapkan harga disel dan minyak tanah yang dijualkan kepada pekilang-pekilang di paras yang lebih tinggi daripada harga yang dijualkan kepada orang ramai. Harga segelen disel yang dijual kepada pekilang-pekilang ialah \$1.40, manakala harga segelen minyak tanah ialah \$1.75. Oleh itu, apabila sistem harga dua peringkat dihapuskan, pekilang-pekilang telah dapat membeli disel dan minyak tanah dengan harga

Jadual 2: Keuntungan Syarikat Minyak Utama 1978 ('000 juta US \$)

Nama Syarikat	Hasil Pendapatan	Keuntungan	Bayaran Dividen (%)
Exxon	61.3	2.8	14.0
Mobil	35.4	1.1	13.1
Texaco	26.5	0.9	9.3
Standard Oil (California)	23.7	1.1	14.0
Gulf Standard Oil (Indiana)	18.2	0.8	10.5
Altantic Richfield	15.2	1.1	15.8
Shell	12.5	0.8	15.4
	11.1	0.8	15.1

... Rakyat yang menggunakan minyak tanah bukan saja menghadapi masalah kekurangan bekalan tetapi terpaksa membayar harga yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh kerajaan.

yang terbesar di dunia. Sekiranya kami membandingkan hasil pendapatan Exxon yang berjumlah US\$61.3 ribu juta (R\$141 ribu juta) dengan hasil pendapatan kerajaan persekutuan Malaysia yang berjumlah R\$8220 juta dalam tahun 1978, hasil pendapatan Exxon adalah 17 kali ganda lebih daripada hasil pendapatan persekutuan kerajaan Malaysia!

Di negeri ini, mengikut satu laporan, keuntungan selepas cukai

yang diperolehi oleh syarikat minyak Esso telah meningkatkan dari \$3.4 juta dalam tahun 1976

... syarikat minyak telah sekali lagi berjaya dalam usaha mereka untuk mengalihkan kesan kenaikan harga minyak dalam pasaran antarabangsa kepada rakyat negeri ini.

dan \$23.1 juta dalam 1978. Syarikat-syarikat minyak yang lain di negeri ini dijangka memperolehi keuntungan yang tinggi juga.

Harus dinyatakan bahawa angka-angka keuntungan yang ditunjukkan ini bukanlah menunjukkan keadaan keuntungan sebenar. Selalunya syarikat-syarikat multinasional minyak ini mempunyai cara-cara tertentu untuk memberi gambaran yang keuntungan mereka ada-

lah kecil. Tetapi, sebenarnya keuntungan mereka adalah lebih besar dari apa yang ditunjukkan oleh angka-angka yang diterbitkan oleh mereka. Sebagaimana dikatakan oleh Putera Faud dari Arab Saudi, syarikat-syarikat minyak telah memperolehi keuntungan besar dengan membebankan para pengguna.

Walaupun sekarang ini harga minyak disel dan minyak tanah telah dinaikkan, tetapi masalah kekurangan bekalan kedua-dua bahan api ini masih berterusan. Para nelayan dan pembawa kenderaan mendapat pendapatan mereka terjejas akibat kekurangan disel. Rakyat yang menggunakan minyak tanah bukan saja menghadapi masalah kekurangan bekalan tetapi terpaksa membayar harga yang lebih tinggi daripada yang ditetapkan oleh kerajaan. Di setengah tempat, pengguna terpaksa membayar \$5.50 bagi satu tin minyak tanah—iaitu \$1.10 lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan.

Dalam mengumumkan kenaikan harga minyak, Dr. Mahathir telah juga memberi jaminan yang kenaikan harga minyak tidak akan mengakibatkan kenaikan harga barang-barang lain. Tetapi, melihat keadaan harga barang-barang di pasaran, rakyat mungkin mendapat sukar untuk menerima jaminan itu. Takut-takut harapan mereka bertukar sekali lagi menjadi kekeciwaan.



Bekalan minyak tidak mencukupi ?

PERJUANGAN DI ZIMBABWE

Mohd. Daud

Ahli-ahli sejarah menganggarkan kira-kira seratus juta orang Afrika dijualbelikan dalam perdagangan hamba abdi yang berlaku selama 400 tahun. Dari keuntungan besar yang didapati dari perdagangan ini, negara-negara Eropah memperolehi modal bagi membiayai Revolusi Industrinya yang besar itu. Kesan dari kejadian ini, tamadun-tamadun Afrika telah hancur, kerana Afrika menjadi sisa-sisa dan orang-orang Afrika terdesak untuk berundur ke dalam hutan dan terpaksa kembali ke taraf hidup primitif. Tidaklah menghairankan kemudiannya Afrika dikenali sebagai 'Benua Gelap.'

Perdagangan hamba telah lama dihapuskan, tetapi Eropah dan Amerika Syarikat (AS) masih menguasai kekayaan Afrika. Umpamanya, hubungan dagang yang istimewa masih ujud antara Pasaran Bersama Eropah (EEC) dengan banyak negeri bekas jajahan Perancis di Afrika. Hubungan perdagangan ini adalah sama lebih dahsyat dengan apa yang dilakukan oleh Britain terhadap negara-negara Commonwealthnya setelah empayarannya runtuh. Penglibatan Perancis dan Belgium dalam menghantarkan askar-askar bagi menghentikan pemberontakan di Zaire tahun lalu menggambarkan hasrat untuk mempertahankan kedudukan kepentingan ekonomi Barat di Afrika.


Di bawah sistem apartheid yang dikuatkuasakan oleh penduduk-

penduduk kulit putih di Afrika Selatan, rakyat dipisahkan mengikut warna kulit. Orang kulit putih memegang kuasa politik dan menikmati banyak keistimewaan, sementara orang-orang kulit hitam didiskriminasikan dalam semua bidang—politik, ekonomi dan kemasyarakatan. Bagaimanapun, di mana-mana juga, rakyat Afrika tetap berjuang melawan sistem yang menindas ini. Baru-baru ini, dengan tamatnya penjajahan Portugis di Mozambique


dan Angola, kedudukan gerakan menentang penindas kulit putih di Afrika Selatan bertambah kuat. Ini telah menggiatkan lagi perjuangan menentang 'racism' dan kekuasaan kulit putih di Rhodesia dan Republik Afrika Selatan (dikenal masing-masing sebagai Zimbabwe dan Azania oleh rakyat Afrika serta orang Dunia Ketiga).

Zimbabwe Medan Perjuangan

Di Zimbabwe, kuasa politiknya yang berkulit putih. Oleh itu 230,000 orang kulit putih dapat menikmati hak dan keistimewaan yang lumayan, walhal yang 6.5 juta orang kulit hitam di negeri itu tidak pernah merasainya. Hingga ke saat 'pilihanraya umum' yang baru lalu, kerajaan kulit putih Rhodesia diketuai oleh Perdana Menteri Ian Smith, yang pada hakikatnya disokong oleh Great Britain dan AS bersama dengan Afrika Selatan. Penentangan terhadap sistem yang tidak adil ini diketuai oleh Baris-



an Patriotik yang mengandungi ZANU (Kesatuan Kebangsaan Afrika Zimbabwe) dipimpin oleh Robert Mugabe dan ZAPU (Kesatuan Rakyat Afrika Zimbabwe) dipimpin oleh Joshua Nkomo.



Susunan Baru Menguntungkan Smith

Pada 30 Januari tahun ini, rakyat kulit putih Rhodesia mengundi—disebabkan oleh tekanan-tekanan dari dalam dan luar negeri—supaya menerima kerajaan yang mewakili semua pihak. Meskipun Bishop Abel Muzorewa dan UANC (Kongres Kebangsaan Afrika Bersatu) terlibat sekarang dalam urusan kerajaan, namun kedudukan orang kulit putih dalam struktur kuasa masih kukuh. Langkah ini adalah sebahagian dari strategi am untuk melindungi kewibawaan kulit putih dan dasar penjajahan bentuk baru yang masih ujud di Zimbabwe.

Sebagai langkah melanjutkan strategi ini, satu pilihanraya telah diadakan pada 20 April tahun ini untuk mengesahkan satu perlembagaan baru serta memilih 100 orang ahli parlimen baru untuk negara itu. Perlembagaan baru itu memberikan 28 dari 100 kerusi Dewan Perhimpunan kepada orang kulit putih yang akan dipilih oleh 4% penduduk kulit putih itu dalam

satu pengundian yang berasingan. Begitu juga, satu pertiga daripada keahlian senat diperuntukkan kepada orang kulit putih. Wakil-wakil kulit putih juga mempunyai kuasa pemutus (*veto*) atas semua per-


peraturan-peraturan parlimen menghalangkan wakil kulit hitam dari membuat apa saja secara bersendirian, tanpa penyertaan orang kulit putih.

Smith terpaksa menyakinkan dunia yang pilihanraya itu adalah sah dan perlembagaan baru itu menghapuskan diskriminasi kulit. Jika ini berjaya, rejim Smith berharap untuk menamatkan pemulauan (boikot) ekonomi antarabangsa yang dikuatkuasakan terhadapnya sejak 1965. Ia juga mengharapkan sokongan dari negara-negara Barat, bagi menentang Barisan Patriotik yang sedang memperjuangkan perang gerila.

Barisan Patriotik bagaimanapun, menganggap pilihanraya itu ‘tidak sah’ kerana ia tidak menghapuskan kekuasaan kulit putih dan tidak juga melahirkan pemerintahan majoriti kulit hitam yang sebenar. Gerakan pembebasan terus bergerak dan perjuangan bersenjata terus dilipatgandakan lagi untuk merampas kuasa dari bentuk penjajahan yang paling baru ini.

kara perundangan yang penting.

Jadi, seluruh sistem ini telah disediakan dengan begitu rapi untuk memberikan kepada penduduk kulit putih perwakilan yang tidak seimbang dengan jumlah pengundi yang sebenarnya. Di samping itu,



Ian Smith: 'Saya tak nampak Barisan Patriotik!'

PENDIDIKAN
SAM
DUN
GAN
DI
GUINEA -
BISSAU

TAPI MASIH BANYAK LAGI
YANG PERLU DIBUAT DAN
HARUS KITA LAKUKAN

PERJUANGAN
KITA SUDAH
MENINGKAT
KE PERINGKAT
BARU



PENJAJAH
SUDAH TIADA
LAGI TAPI
MEREKA
TELAH
TINGGALKAN
BANYAK
MASALAH

MARI KITA LIHAT
SEBAHAGIAN DARINYA




SEKOLAH SERUPA SEBUAH CORONG:

SEKOLAH.



ADA SATU LAGI MASALAH: SEKOLAH TERPISAH DARI ALAM NYATA,


TERAPUNG-APUNG DI AWAN





BEGITU JUGA DENGAN MEREKA YANG DAPAT PELAJARAN DI SANA



BILA MASA PERSEKOLAHAN TAMAT, ADA YANG KEMBALI KE ALAM NYATA.



TAPI, KEBAN YAKAN TETAP DALAM IMPIAN ...






"DI ATAS SANA"
TERDAPAT BANDAR
YANG TERPISAH
DAN DIANGSAP
LEBIH MULIA DARI
KEHIDUPAN DESA.





PELAJARAN
ADALAH SATUNYA
CARA BAGI
MENCAPAI
KEHIDUPAN
DALAM
SUASANA
YANG
LEBIH
BAIK
INI.




ISI KANDUNGAN MATA PELAJARAN YANG DIAJAR
DI SEKOLAH TERSEBUT PENUH DENGAN PERKARA
ABSTRAK. BUKU DIANGGAP SEBAGAI SATU-SATUNYA
SUMBER PENGETAHUAN.




OLEH YANG DEMIKIAN,
PENGALAMAN PRAKTIKAL
PARA PETANI DAN ORANG
TUA SENTIASA
DIKETAWAKAN.



BUKAN ITU SAJA - ADA SATU LAGI PERKARA: PELAJAR DARI
SEKOLAH ITU JUGA TERPISAH DARI PENGETAHUAN.



Pencak Langkah



hanuman

Gerakan: Anti-multinasional atau anti-nasional?

Parti GERAKAN mengutuk kegiatan-kegiatan syarikat multinasional (asing) di Malaysia. My dear Chong Eu, sudah lupakah lu bahwa Parti Gerakan sendirilah yang mengundang dan mengalu-alukan pelabur asing yang kini asyik dikritiknya itu?

Bukankah Parti Gerakan yang menawarkan pelabur asing, terutama sekali syarikat letronik, mendirikan kilang yang besar dan luas di tengah kawasan bendang di Bayan Baru, Pulau Pinang dan di Seberang Perai?

Oleh besar dan luasnya perusahaan letronik itulah, lahirnya gelaran dan panggilan yang manis-manis untuk gadis dan pemuda pekerjanya sebagai 'Minah Karan' dan 'Mat Sepana'.

Kini Parti Gerakan patut berbangga kerana dia telah memberikan keuntungan ringgit yang hebat kepada pelabur asing dan memberikan istilah yang hebat pula kepada pekerja-pekerja generasi muda rakyat Malaysia.

Dalam bangga melahirkan istilah 'Minah Karan' dan 'Mat Sepana', Parti Gerakan agak lupa daratan.

Jelas Parti Gerakan memulakan gerakan yang membahayakan Barisan Nasional, sebab menurut dasar pelaburan sekarang, barangsiapa yang menentang pelaburan asing (anti-multinasional) akan dianggap dan dituduh sebagai anti-nasional.

DAP: Lain di bibir, lain di hati

Berlainan pula dengan pendirian DAP dalam soal pelabur asing ini. Apabila pihak kerajaan menawarkan keistimewaan (memang dasar kerajaan selalu saja memberikan keistimewaan kepada yang diistimewakannya), maka Lim Kit Siang dengan tak payah menanti malam lagi terus menentangnya. Tetapi dalam waktu yang sama pula Kit Siang (yang tak mengenal malam) mengeritik kerajaan kerana meletakkan syarat-syarat yang mengganggu suasana pelaburan dan tidak akan dapat menarik

para pelabur melabur modalnya di Malaysia. Agaknya pendirian pertama untuk menarik undi rakyat dan pendirian yang kedua untuk menyenangkan hati dan mendapat sokongan daripada tauke-tauke dalam dan luar negeri. Juga disebabkan sikap beginilah yang lebih sesuai dengan dasar kerajaan seberang Selat Tebrau yang jadi 'Pak angkatnya'. Lebih menguntungkan DAP Kit Siang lagi kerana dia dapat membuktikan bahwa dia tidak anti-nasional sebab dia tidak anti-multinasional. Begitulah lagu DAP, lain di bibir dan lain di hati.

Golf untuk Rakyat

Pembangunan Pulau Pinang memang hebat. Kilang-kilang ditubuhkan di sana sini, bangunan rumah didirikan di atas sawah bendang dan kini padang golf pula akan dibuka. Seperti kita tau Pulau Pinang itu luasnya sekangkang kera. Jadi dengan dasar pembangunan begitu, harga tanahpun naik meluncur macam jet dari landasan lapangan terbang barunya. Harga tanahnya lebih tinggi dari harga tanah di Kuala Lumpur.

Kerajaan Pulau Pinang lalu menggesa rakyat Pulau Pinang supaya hidup dan tinggal di rumah pangsa. Barangkali Chong Eu dapat idea atau telah berguru dari Lee Kuan Yew—buat rumah pangsa untuk rakyat dan buat hotel besar untuk pelancung. Dan Pulau Pinang memang tempat pelancung, rumah-rumah nelayan sepanjang pantai Tanjung Bunga (bukan bungah) telah lama jadi idaman untuk didirikan banglo atau hotel mencakar langit melambai awan.

Kalau keadaan rumah pangsa itu baik, lengkap, ada kemudahan, tidaklah dipersoalkan. Tapi kalau lif selalu rosak, kalau laman anak-anak bermain tak ada, kalau adapun tak selesa, kalau ada gelanggang sepak raga, bola keranjang dan badminton, tentulah dapat diterima oleh rakyat. Tetapi dengan bilik macam sangkar burung merpati dan tak ada apa-apa kemudahan, bagaimana mendorong rakyat tinggal di rumah pangsa?

Tak ada kawasan? Mustahil. Kenapa padang golf masih boleh disediakan? Sebuah padang golf dapat dijadikan suatu bandar kecil tentang luas tanah yang digunakan. Sedangkan yang main golf itu bukan rakyat dan bilangannya hanya beberapa kerat saja. Sudahlah padang lumba kuda memakan kawasan tanah yang begitu luas, tambah lagi padang golf.

You Speakingkah? Speak the Queen's English

Kabarnya Kementerian Pelajaran akan mengupah seramai 200 orang mat saleh (orang putih) untuk mengajar bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah seluruh Malaysia. Upah itu tentulah tinggi, tidak tak kan orang-orang Inggeris mau terima, dan mereka seperti biasa mau kemudahan dan segala macam kesenangan. Pada hal dengan perbelanjaan sebanyak itu, kerajaan boleh membayar kepada 1000 orang guru tempatan untuk mengajar bahasa Inggeris.

Tak taulah kalau Kementerian Pelajaran menganggap tidak ada guru tempatan yang layak mengajar bahasa Inggeris. Agaknya Menteri Pelajaran mau pelajar-pelajar dari ulu Kelantan, ulu Trengganu, ulu Segamat, ulu Muar, ceruk desa di Yen, Baling, ulu Perak dan ulu Tembeling bercakap betul-betul dengan lidah mat saleh, dengan sleng yang berdebus-debus menyebut 'datuk' dengan bunyi 'dhatok', menyebut 'kentut' dibunyikan 'khentot', dan sebagainya.

Sebagaimana bandar Kelang telah disebut 'Kleng', lalang disebut 'laleng', Singapura disebut 'Singapore' dan lain lagi.

Shoot, shoo atau shit

Terlanjur bercakap soal bahasa Inggeris, teringatlah peristiwa mengenai pendatang haram Vietnam. Dunia jadi terkejut bila lapuran akhbar menyatakan bahwa kerajaan Malaysia akan tembak (shoot) pendatang haram dari Vietnam. Tapi dua hari kemudian dijelaskan bahwa dasar kerajaan sebenarnya adalah untuk menghalau (Inggerisnya: *shoo*) pendatang haram yang cuba mendarat di pantai kita.

Jadi perlulah dibedakan antara perkataan *shoot* dengan *shoo*. Dan seorang teman dari Amerika menyatakan bahwa di Amerika kalau seorang kanak-kanak hendak mengelakkan dari tersulut menyebut *shit* (tahi) atau berak di dapan orang tuanya, biasanya mereka sebutkan *shoot*.

Apakah ada hubungannya Kementerian Pelajaran mengambil guru-guru dari kalangan orang Inggeris sendiri dengan peristiwa salah pengertian tentang bunyi dan arti perkataan Inggeris, tidaklah diketahui. Bagaimanapun nyatakan bahwa guru-guru bahasa Inggeris dari kalangan orang Inggeris sendiri adalah juga perlu untuk para pak menteri kita.

Tapi lojik lain memang ada. Memang begitu maksudnya dasar kerajaan Malaysia untuk menghalau pendatang haram Vietnam dengan tahi—artinya melonggokkan tahi sepanjang-pantai timur. Kalau tak ada sukarelawan bersedia berak di pantai, besar jugalah belanja untuk upah orang berek—berak di sepanjang pantai semenanjung. Tentu ratusan ribu pekerja—berak diperlukan.

Mungkin langkah ini akan dapat mengurangi jumlah pengangguran di negara kita.

Menghadapi Masalah Pendatang Haram

Dalam hal ini, ahli sejarah dan sasterawan tentu teringat kepada kisah 'Singapura Dilanggar Todak'. Dari akal seorang budak kecil yang menyuruh berkubukan batang pisang (setelah melihat kebodohan pemimpin negeri berkubukan betis rakyat) Singapura dan rakyatnya selamat dari serangan ikan todak.

Sekarang setelah beratus-ratus tahun setelah kisah 'Singapura Dilanggar Todak', keluarlah kisah 'Pantai Timur Semenanjung Dilanggar Pendatang Haram Vietnam'. Dasar kerajaan yang dirumuskan oleh para pemimpin kita macam menyuruh berkubukan tahi. Untung jugalah tidak dibuat dasar berkubukan pongpong.

Pemodenan Perjambanan Nasional

Rancangan kesihatan luar bandar sudah maju nampaknya dengan adanya 'jamban tarik' di setengah-setengah tempat di seluruh negeri.

Kabarnya setengah orang tidak dapat menerima pemodenan perjambanan. Mungkin disebabkan ruang dalam 'jamban tarik' itu terlalu sempit, cukup-cukup untuk tempat mencangkung ketika 'melepas'. Lagi pula keadaannya sangat gelap ketika malam.

Sebab itulah kebanyakan mereka tetap menggunakan 'jamban pusing' yang diwarisinya dari nenek moyang mereka.

Kalau jamban tarik itu memerlukan kita menarik rantainya setelah 'melepas', maka 'jamban pusing' kita mesti berpusing-pusing dulu sebelum 'melepas'. Berpusing berarti kita mesti mengawasi keadaan keliling, pastikan dulu di kiri kanan, depan dan belakang kita tak ada pemerhati yang tak diundang.

Bila pasti selamat, tidak ada pengintip rahasia, maka alangkah lapangnya perasaan, sambil mencangkung boleh termenung, membuat angan-angan atau rancangan yang dilihami oleh suasana sepi dan sunyi ketika melepas?

Demikianlah kisah antara 'tarik' dan 'pusing' dalam pemodenan perjambanan tanahair kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketiga



SERANGAN SERANGGA BENA PERANG

Abdullah Amin

Kemusnahan yang dilakukan oleh serangga bena perang sudah menjadi fenomena yang lumrah di Malaysia. Kejadian terbesar yang pertama ialah pada tahun 1967 bila 60,000 hektare kawasan padi di Trengganu dimusnahkan.

Kejadian yang kecil berlaku pada tahun-tahun yang lepas dan kemusnahan yang serius seterusnya berlaku pada pertengahan tahun 1977. Menurut lapuran akhbar 'The New Straits Times' (23.1.78), kawasan yang terlibat seluas 45,360 ekar ialah di kawasan Tanjung Karang, Selangor yang juga merupakan kawasan jelapang padi. Kerugian yang dialami oleh petani-petani ialah sebanyak 2.3 juta gantang padi.


Pada tahun ini pula, serangga bena perang telah menyerang kawasan MADA. Menurut sumber pihak MADA, terdapat kira-kira 45,000 ekar sawah padi di kawasan berkenaan di Negeri Kedah dan Perlis terlibat dengan ancaman itu. Ia telah menjadi musuh padi yang

terpenting di Semenanjung Malaysia.

Serangga bena perang terdapat di kawasan-kawasan seperti berikut:-

- i) kawasan penanaman padi yang intensif, seperti penanaman padi dua musim.
- ii) penanam jenis hasil tinggi seperti Bahagia, Mat Candu dan Jaya.
- iii) terdapat penanaman jarak yang sempit antara pokok padi (di setengah tempat di Sekinchan jarak ini ialah 8 inci).
- iv) di mana terdapat penanaman yang berterusan dan tidak sama/sekata.
- v) penggunaan baja kimia yang tinggi.

Serangga bena perang biasanya membiak dengan hebatnya di kawasan lembab di mana terdapat gunaan nitrogen yang tinggi. Mereka boleh menyerang dengan banyak cara, seperti merosakkan pokok padi serta membina-sakan batang-batang padi. Daun-daun padi akan bertukar menjadi kuning dan layu. Ke-



Serangga bena perang

sannya seolah-olah kawasan padi itu terbakar. Kadang-kadang, daun padi merosak dan seterusnya membina-sakan hasil padi. Oleh kerana serangan serangga hanya boleh dikawal dengan semburan racun serangga dengan serta merta dan intensif. Semburan racun serangga ini perlu dijalankan dengan teliti jika ia tidak ianya akan membahayakan petani. Pelindung muka dan juga sarong tangan adalah diperlukan semasa menjalankan semburan. Petani-petani perlu diberi tunjuk ajar bagaimana menggunakan racun serangga dengan selamat. Walau bagaimanapun terdapat lapuran menyatakan ada petani-petani yang tidak sedarkan diri dan terpaksa dirawat di hospital selepas menyembur racun serangga untuk menghapuskan serangga bena perang. Seorang petani, Encik Kassim bin Mohamed berumur 45 tahun dari Kubang Kuan Pendang telah meninggal dunia akibat menyembur racun serangga tersebut.

Serangga bena perang yang menjadi musuh padi bertambah serius selepas Revolusi Hijau diperkenalkan di Malaysia. Petani-petani diseru menerima teknologi penanaman baru (seperti baja, racun serangga) demi memperbaiki taraf hidup mereka. Nampaknya, Revolusi Hijau telah membawa masalah rumit yang tidak dapat diatasi tanpa mengakibatkan masalah lain pula.



Kawasan sawah rosak akibat serangan serangga bena perang

Tradition and Change in Contemporary Malay-Indonesian Poetry
Oleh: Muhammad Haji Salleh,
Penerbit: Universiti Kebangsaan Malaysia.

PERKEMBANGAN PUISI MELAYU-INDONESIA

KMS

Kajian yang mendalam mengenai tradisi dan perubahan dalam puisi-puisi Melayu-Indonesia sezaman amat kurang dilakukan oleh sarjana-sarjana tempatan dan buku ini bertujuan untuk mengisi kekurangan tersebut.

Penulisan saudara Muhammad Haji Salleh ini merupakan suatu percubaan untuk menganalisa kuasa-kuasa penting yang telah mempengaruhi alam puisi Melayu-Indonesia dari tahun 1945 hingga ke awal tahun-tahun 1970an. Jangkamasa selepas-perang yang agak panjang ini telah melahirkan situasi-situasi baru dalam kehidupan masyarakat Melayu-Indonesia yang berkisar di sekitar perjuangan untuk kemerdekaan dan kegiatan-kegiatan untuk cuba membangunkan negara serta mewujudkan perpaduan rakyat. Inilah yang menjadi latarbelakang penulisan ini.

Kuasa-kuasa yang mempengaruhi alam puisi Melayu-Indonesia dalam jangkamasa tersebut, menurut saudara Muhammad, adalah perkembangan ide individualisme, kemunculan bandar-bandar yang menjadi pusat pertumbuhan intelektualisme, dan kelahiran perspektif baru dalam mendekati tradisi peribumi dan perubahan pandangan dunia di

kalangan para penyair. Ini diperkatakan dalam empat bab buku ini.

Akar Umbi Puisi Melayu-Indonesia

Penganalisaan mengenai tradisi dan perubahan dalam perkembangan puisi Melayu-Indonesia ini dilakukan dengan pemahaman bahawa kedua-dua masyarakat ini mempunyai persamaan bahasa resmi, latarbelakang kebudayaan, dan rumpun etnik (Melayu) yang agak sama. Dengan demikian, penulis ini menekankan bahawa tradisi puisi di Malaysia dan Indonesia yang berasal dari rumpun yang sama, juga mempunyai tradisi yang luas yang merangkumi Kepulauan Melayu atau 'Nusantara.'

Oleh kerana sastra moden Malaysia dan Indonesia mempunyai punca yang sama, maka tidak hairanlah perkembangan puisi di Malaysia kemudiannya menerima banyak pengaruh dari perkembangan puisi di Indonesia. Contohnya, karya-karya Amir Hamzah dan Chairil Anwar telah dijadikan model oleh penyair-penyair Malaysia, sedangkan penyair-penyair Indonesia ini sendiri mendapatkan tapaknya dari sastra Melayu.

Corak perhubungan antara dua tradisi sastra ini bagi satu jangkamasa dilihat sebagai suatu yunit

yang tidak terpisah, tetapi dalam jangkamasa yang lain dianggap sebaliknya. Saudara Muhammad tidaklah bertujuan untuk membina suatu garis sempadan yang jelas bagi memahami titik awal perpisahan dua tradisi ini. Yang jelas ialah kewujudan itu mungkin berdasarkan kepada pemahaman bahawa Malaysia dan Indonesia adalah dua yunit politik yang dipisahkan oleh sempadan pemerintahan serta geografi. Dengan itu dikatakan, penyair-penyair Indonesia menjadi model bagi penyair-penyair Malaysia. Berpandukan pemahaman ini, konsep Kepulauan Melayu telah menjadi tidak relevan dalam penganalisaannya.

Dalam kesimpulannya saudara Muhammad menyatakan bahawa walaupun terdapat penyimpanan antara puisi-puisi Indonesia dan Malaysia, kerana yang pertama itu lebih matang dari yang kedua, tetapi akhir-akhir kedua-dua 'alam' puisi ini akan bersatu.

Pengaruh Politik Tertinggal

Berdasarkan hakikat bahawa penulisan ini dilakukan oleh seorang penyair dan penyelidik yang serius, hujjah-hujjah yang dikemukakan adalah adil dan mendalam. Cuma yang tidak dibincangkan ialah sejauh mana perkembangan politik yang mempunyai persamaan ataupun perbezaan di antara dua yunit politik ini telah melahirkan penyair-penyair komited dengan pegangan politik mereka. Dengan demikian, di manakah kedudukan penyair-penyair seperti Kassim Ahmad dan Said Zahari dalam perkembangan puisi sezaman di Malaysia tidak disentuh. Begitu juga dengan penyair-penyair sedemikian di Indonesia.

Buku ini patut dibaca oleh peminat-peminat sastra Melayu-Indonesia kerana ia dengan sekali gus dapat memberikan gambaran mengenai perkembangan puisi di Alam Melayu sezaman.

SENINYA MENCERMINKAN HIDUPNYA


B.L. Chan

Kami menemui Lai Loong Sung di luar pejabat Sin Chew Jit Poh di mana ia bekerja sebagai penolong penyunting. Kemudian kami berkereta ke rumahnya. Di studionya, kami dapati lukisan minyak, kayu dan sketsa karya-karyanya menggambarkan tema-tema Malaysia. Ada juga yang menunjukkan putus-asu—sesuatu yang memilukan dan menggelisahkan. Kadangkala ada juga ketikanya seseorang itu dapat melarikan diri dari realiti, tetapi peluang itu tidak terdapat di sini.

Watak-watak karya Lai diambil

dari alam sekelilingnya—seperti penjaja, setinggan, nelayan, kaki mabuk todi dan pekerja lombong bijih timah.

Dilahirkan dalam keluarga penjaja di Kampung Rasa, Lai berhijrah ke Kuala Lumpur ketika berumur 12 tahun untuk melanjutkan pelajarannya. Setelah tinggal di kawasan setinggan di Jinjang, dia amat mengenali watak-watak yang terdapat di kalangan rakyat jelata. Memang terdapat hubungan yang rapat antara tema karyanya dengan pengalaman hidupnya.



Burung-burung


'Apa yang dikatakan "inspirasi" atau ilmu itu biasanya dianggap sebagai suatu kuasa yang tak dapat difahami, tetapi ini tidaklah lahir dengan tiba-tiba. Ianya adalah kombinasi perasaan yang tersembunyi (latent), kefahaman dan pengetahuan yang terkumpul dalam tempoh yang panjang dan dirangsangkan pada masa-masa tertentu sahaja. Itulah caranya bagaimana saya mendapat ilham.'

Penjaja

'Bagi saya, seni adalah pengejaran terhadap cita-cita yang mulia. Tiada pertentangan di antara seni untuk masyarakat dan seni untuk seni. Keduanya bertujuan untuk mencapai cita-cita itu—itulah tujuan hidup.'



Lai mulai dengan menggunakan lukisan jenis Cina pada ketika belajar di sekolah menengah, tetapi kemudian meninggalkannya untuk mencari cara yang lebih sesuai bagi menggambarkan perasaan seninya. Seni tidak lahir dengan mudah sahaja. Dia telah menjalani latihan resmi dalam bidang senilukis selama 3 tahun semasa bekerja sepenuh masa.. Ini pula disertai dengan sikap gigih dalam usaha mencari diri. Keazaman serta minat yang mendalam dipandu pula dengan cita-cita tersendiri menyebabkan seninya berhasil.



'Di Jinjang, tiada air atau api. Kanak-kanak menggunakan paip di tepi jalan untuk mandi dan minum air. Saya cuba menggambarkan saat-saat gembira itu.'


Kaki mabuk todi.

'Sewaktu saya menghadiri kelas di maktab seni, setengah daripada model India yang kami upah itu datang dalam keadaan mabuk. Saya pun mulai memikirkan masalah mabuk, terutama di kalangan buruh India. Tentulah masalah ini lebih sesuai diterangkan oleh ahli-ahli sains sosial, tetapi apa yang saya gambar di sini adalah keadaan sosial mereka. Tambahan pula, dari segi seni, rupa wajah orang India ini dan keadaan pemabuk-pemabuk yang kelihatan tidak berdaya ini, membenarkan banyak kemungkinan untuk penciptaan seni.'



'Tanah runtuh selalu berlaku di kawasan lombong, terutama pada musim hujan. Kita sering membaca mengenai berita seperti ini di akbar. Sekiranya seorang anggota keluarga yang merupakan sumber rezeki keluarga itu meninggal akibat dari kemalangan seperti ini, tentulah sumber rezeki keluarga itu akan terputus. Dalam masyarakat ini, tiada perkhidmatan jaminan sosial yang disediakan untuk mereka, dan tiada juga skim gantirugi umum yang mencukupi. Dalam keadaan demikian, bagaimanakah perasaan keluarga itu? Inilah ilham karya ini.'

'Kehidupan kota yang kompleks dan keadaan kerja yang menekan menjadikan seseorang itu rindukan ketenteraman hidup di kampung. Hidup sepatutnya lebih daripada keadaan kerja biasa yang sibuk. Saya tidak hendak menghinakan keadaan hidup mereka yang terpaksa bekerja keras berjam-jam lamanya. Tetapi ada juga orang yang sibuk mengejar kepuasan benda (material) saja. Hidup hanya bermakna sekiranya ia mempunyai cita-cita yang lebih mulia.'



Kematian seorang pekerja lombong.

Nikmat hidup kampung



DEMAM

BAGAIMANA PEGAWAI PERUBATAN MENGATASINYA

Dr. C.C. Chan



Keluhan demam memang menjadi satu sifat utama dalam berbagai-bagi penyakit yang dialami oleh masyarakat kita.

Biarlah kita mengambil satu misalan supaya kita lebih mengerti terhadap keluhan seorang yang demam:-

Mokhtar adalah seorang anak yang berumur tujuh tahun. Hingusnya meleleh dan dia batuk. Batuknya tidak diikuti dengan kahak. Pada waktu petang, dia demam dan anggota badannya merasa sakit. Keadaan Mokhtar sungguh merisaukan ibunya dan dia dibawa berjumpa dengan pegawai perubatan untuk menerima rawatan. Berbagai-bagi soalan akan ditonjolkan oleh pegawai tersebut, seperti 'Adakah sesiapa dalam keluarga Mokhtar ataupun rakan-rakan di sekolahnya mengalami keluhan ini?'

'Adakah Mokhtar mengalami sakit perut?'

'Adakah badan Moktar menge-

luarkan kahak semasa batuk?'

'Adakah Mokhtar merasa loya ataupun sudah muntah?'

Pemeriksaan

Bila Mokhtar diperiksa oleh pegawai tersebut, didapati suhu badannya ialah 101°F (badan yang sihat selalu bersuhu 98.4°F), hingusnya meleleh dan tekaknya merah. Paruparunya sihat dan degupan jantungnya seperti biasa (*normal*). Perut Mokhtar juga tidak menunjukkan apa-apa gejala buruk. Pada keseluruhannya Mokhtar kelihatan lemah dan lesu walaupun pemikirannya masih cergas dan tidak menyahkan sesiapa semasa pemeriksaan.

Sebab

Apakah yang menyebabkan tercetusnya penyakit yang dihidapi oleh Mokhtar? Kemungkinan besar penyakitnya ialah demam 'virus' se-

tanding dengan demam selsema (flu). Patut juga kita mengetahui bahawa jangkamasa penyakit seperti ini tidaklah berpanjangan dan iaanya sembah sendiri. (Keadaan Mokhtar sebenarnya pula sembah kembali dalam masa tiga hari). Oleh itu, rawatan dan nasihat yang diberi hanya bertujuan untuk mengatasi gejala penyakit tersebut.

Dengan misalan tadi maka kita dapatlah gambaran bagaimana seorang pegawai perubatan—seperti doktor, pembantu hospital (*hospital assistant*) ataupun jururawat—menghadapi masalah demam. Dia melakukan kerjanya mengikut cara-cara tertentu yang sistematis, iaitu (1) mengikut *sejarah penyakit*; (2) *pemeriksaan badan* si penyakit; (3) *penyelidikan makmal*, jika perlu; (4) menentukan *jenis penyakit*; (5) *rawatan dan tindakan lanjut* terhadap penyakit tersebut. Sifat sistematis telah ditekankan kerana kenyataan yang diterima dan dianalisa harus dilakukan mengikut pedoman tertentu supaya tindakan yang berkesan dapat diusahakan. Oleh itu juga, amalan terhadap prinsip-prinsip tersebut telah menjadi tulang belakang kepada perkembangan ilmu sains moden pada hari ini.

Dengan ini, kami berharap bahwa prinsip-prinsip menentukan dan merawat sesuatu penyakit dapat difahami oleh masyarakat umum. Pengetahuan dan pengertian seperti ini boleh memperbaiki lagi mutu perkhidmatan perubatan dalam masyarakat kerana kesedaran dan teguran rakyat boleh menjadi air penawar untuk mengukuhkan mutu tersebut.

1. Sejarah

Berbalik kita kepada misalan tadi, pegawai perubatan boleh menyiasat dengan lebih mendalam lagi mengenai sejarah penyakit, seperti berikut:-

(i) Jangkamasa demam—Demam yang tidak berpanjangan (lebih ku-

rang tiga atau empat hari) mungkin disebabkan oleh penyakit yang ringan yang berpunca dari virus ataupun bakteria. Jika jangkamasa demam tersebut melebihi seminggu, ini bermakna siasatan lanjut harus dilakukan, dan jika perlu, pesakit itu harus dimasukkan ke dalam wad hospital untuk mendapat rawatan. Demam seperti ini mungkin disebabkan oleh penyakit-penyakit seperti malaria, *typhoid*, *typhus*, penyakit pundi kencing, tuberkulosis (TB), dan penyakit-penyakit lain yang merbahaya kepada kesihatan. Rawatan yang tidak mencukupi terhadap penularan (*infection*) tertentu juga adalah salah satu sebab penting.

(ii) **Umur**—Orang tua ataupun bayi dan kanak-kanak lebih mudah diserang penyakit. Demam panas yang bersuhu tinggi diikuti dengan loya dan muntah boleh mengakibatkan sawan. Ini kerapkali berlaku kepada bayi dan kanak-kanak. Keadaan ini juga boleh menyebabkan orang tua melilau fikirannya.

(iii) **Orang lain yang terlibat**—Jikalau sesuatu wabak berlaku di sesuatu kawasan, ada kemungkinan demam yang dihadapi adalah gejala dari penyakit berkenaan, misalnya malaria, denggi dan penyakit menular yang lain.

(iv) **Kegiatan pesakit**—Lawatan ke hutan boleh menyebabkan demam seperti malaria atau *typhus*. Di bandar pula, demam panas yang diikuti dengan kulit badan yang merah mungkin disebabkan oleh penyakit denggi.

2. Pemeriksaan

Pegawai perubatan akan berusaha mengenalkan gejala-gejala penyakit seperti:-

(i) **Gejala Pernafasan**, seperti selsema dan batuk. Jika pesakit batuk dan berkahak pula, maka ini bermakna dia diserang penyakit yang berpunca dari kuman bakteria. Bila ini berlaku, pegawai perubatan pula akan menumpukan per-

hatiannya kepada paru-paru si pesakit. Pesakit tersebut akan diberi rawatan dalam hospital jika paru-parunya diserang penyakit '*pneumonia*' atau '*bronchitis*'. Penyakit tersebut boleh menjadi lebih teruk jika pesakit itu adalah seorang tua dan mengidap pula penyakit kencing manis. Secara umum, jika pesakit itu batuk dan tidak berkahak, air ludahnya putih dan paru-parunya sihat; maka, kemungkinan besar pesakit mengalami penyakit viral. Batuk yang berlanjutan dan air ludah yang berdarah boleh memberi gambaran terhadap penyakit TB.

(ii) **Gejala Saluran Perkencingan**, seperti merasa sakit bila membuang air kecil dan kerapkali pula ingin buang air bila keadaan kesakitan dirasakan oleh pesakit. Keluhan seperti ini mungkin menunjukkan serangan penyakit terhadap saluran perkencingan.

(iii) **Gejala Usus**, seperti sakit perut, perasaan mual, muntah, dan sembelit atau ceret-beret. Jika si pesakit mendapat kesakitan di bahagian bawah perut dan di sebelah kanan diikuti pula dengan rasa mual, ada kemungkinan dia kena appendik (*appendicitis*). Pegawai perubatan dapat memastikan masalah ini dengan cara meraba di bahagian yang sakit dan dengan menerima jawapan si pesakit terhadap

kan di hospital dan pusat-pusat tertentu boleh memberi kepastian yang lebih tepat lagi terhadap jenis penyakit yang dialami oleh si pesakit. Siasatan terhadap air kencing boleh menentukan jenis penyakit—samada penularan, penyakit kencing manis atau penyakit ginjal. Penganalisaan air ludah pula boleh memastikan samada adanya penyakit TB atau tidak. Sumber siasatan utama yang sering dilakukan ialah penganalisaan tersebut pernah dibabitkan dengan berbagai-bagi penyakit termasuk darah tinggi, penyakit ginjal, penyakit hati, kencing manis, malaria, *typhoid*, *typhus* dan lain-lain.

4 Penentuan Penyakit-penyakit, rawatan, dan tindakan lanjut

Bila semua pemeriksaan dan penyiasatan makmal (jika perlu) telah dilakukan, maka pegawai perubatan dapat menentukan jenis, keterangan, rawatan dan tindakan lanjut terhadap sesuatu penyakit itu. Jika pegawai perubatan tidak dapat melakukan rawatan, disebabkan oleh perkara-perkara tertentu, dia akan merujukkan pesakit berkenaan kepada pakar lain di hospital ataupun di tempat lain. Kerjasama dan kebijaksanaan pegawai perubatan untuk menentukan samada seorang

Sifat sistematis telah ditekankan kerana kenyataan yang diterima dan dianalisa harus dilakukan mengikut pedoman tertentu.

soalan-soalan tertentu.

(iv) **Gejala Lain**, seperti ruam di seluruh badan, sakit sendi-sendi, pening kepala dan lain-lain akan membantu pegawai perubatan untuk membuat penentuan yang lebih tepat terhadap jenis penyakit.

3 Penyiasatan Makmal

Penyiasatan seperti yang dilaku-

pesakit itu perlu dihantar ke hospital akan meringankan kerja di hospital. Dengan cara ini, kita mengharapkan pegawai perubatan di hospital dapat menumpukan perhatian penuh kepada pesakit-pesakit yang menghidap penyakit yang tidak dapat dirawat dengan sempurna pada peringkat lain.

Akhirnya Xiao Zhen pergi, bukan kerana dia tidak suka mengajar, atau tidak suka kanak-kanak, dan bukan juga kerana dia ditawarkan pekerjaan yang lebih baik di tempat lain . . . tapi kerana dia terpaksa pergi. Dia tidak pernah bergaduh dengan sesiapa sepanjang masa tiga bulan berada di sini, tetapi anehnya dia terpaksa pergi semata-mata kerana 'Terlalu bertanggungjawab dan terlalu gemarkan anak-anak.'

Xiao Zhen datang ke sekolah ini sebagai guru sementara setelah tamat pengajiannya di universiti. Pada kali pertama dia menjakkan kaki ke bilik guru dia kelihatan bersemangat dan riang, membuat aku seolah-olah melihat dirinya sebagai bayangan diriku.


Beberapa tahun yang lalu, sesungguhnya, ketibaan pendatang baru ke dunia kecil kami ini, telah menimbulkan kegelisahan. Beberapa orang guru lama yang berpengalaman mula menunjukkan kepadanya beberapa tipu helah mengajar . . . ada yang mengajar cara-cara menghadapi murid-murid, dan beberapa orang yang lain pula cuba menerangkan cara-cara 'menjimatkan tenaga' dalam bilik darjah. Tetapi segala-galanya ini tidak kekal lama.

Satu nasihat yang biasa terdengar telah datang dari seorang guru yang berpengalaman. 'Cik Lim, mengajar sebenarnya adalah satu pekerjaan yang paling mudah dan

AKHIRNYA XIAO ZHEN PERGI

kisah seorang guru sementara

Hung Mei



cepat bagi mendapatkan wang. Cari makan sahaja. Janganlah terlalu serius sangat. Kalau awak terlalu serius, awak semata-mata memeningkan kepala tanpa sebab.' Tetapi Xiao Zhen memberikan satu jawapan yang sama sekali di luar dugaan: 'Oh, betulkah begitu Cikgu Koh? Tapi bukankah ini bererti kita menggelakkan diri dari tanggungjawab dan memusnahkan amanah yang diberikan oleh ibubapa murid-murid kepada kita?'

Inilah soalan yang kebanyakan guru-guru tidak suka mendengarnya kerana pukulannya sungguh hebat. Dalam beberapa minit sahaja, keghairahan orang-orang lama memberikan nasihat kepada tunas hijau ini hilang lenyap. Seorang dari seorang, mereka kembali menumpukan perhatian kepada kerja-kerja yang mereka lakukan sebelum ini. En. Chang, seorang dari guru-guru yang paling lama, hanya menggeleng kepala, walaupun aku dapat membaca dalam sinar matanya bahawa dia memberi penghargaan kepada guru wanita muda ini. Sebenarnya, banyak perkara yang ingin dikatakan oleh En. Chang kepada Xiao Zhen, memberitahunya supaya tidak terlalu idealistik, jangan terlalu menaruh minat, jangan..., atau dia akhirnya akan kecewa dan tidak berdaya. Tetapi dia tidak berani menyuarakan kata-kata ini, kerana dia tahu bahawa nasihatnya akan menyinggung perasaan guru-guru lain. Lalu dia kembali sahaja ke kerusinya. Xiao Zhen seolah-olah tidak dipengaruhi langsung oleh apa yang sedang berlaku di sekelingnya. Dia tenang sahaja melangkah lalu duduk di kerusi kosong di sebelahku.

Sebaik sahaja duduk di situ dia menoleh ke arahku. 'Cikgu Lee?' Aku terkejut. Bagaimana dia boleh mengenali aku? Mungkin kerana tanda-tanda kehairanan amat ketara di wajahku, maka dia pun menjelaskan, 'Saya lulus dari Universiti yang sama dengan saudara. Saya pernah melihat saudara tiga tahun yang lalu, semasa saya masih 'freshie' dan kawan-kawan bercerita berkenaan saudara.'

Wah, tidakkah aku malu... dia mengenali diriku, sebaliknya aku tidak ingat sedikitpun yang aku pernah melihatnya di kampus.

Seolah-olah cuba mengenangkan diriku, dia cepat-cepat menyambung, 'Masa itu saudara di tahun akhir, dan saudara sangat sibuk. Saya faham saudara tidak punya masa untuk mencari kawan baru. Sebenarnya, hanya sekali kita pernah berjumpa dan bercakap-cakap. Saya Lim Xiao Zhen.' Dia memperkenalkan dirinya dengan penuh kesopanan.'

Ketika itu aku masih lagi gugup mencari jawapan yang sesuai, bila kemudiannya loceng sekolah berbunyi.

Dia segera bangun. 'Maafkan saya, saya ada kelas sekarang.' Dan sesaat kemudian, dia sudah keluar dari pintu bilik kami.

Sebaik sahaja ia melangkah keluar, desas-desus pun mula bergema di bilik guru. Lebih jelas, aku dengar salah seorang berkata 'Begitulah penyapu baru, tentu menyapu lebih bersih'. Aku perhatikan sekeling bilik. Cik-

gu-cikgu lain ada yang sedang meletakkan novel, surat-khabar..., atau sedang menamatkan permainan catur.

Hanya selepas tiga atau empat minit kemudian barulah mereka mengambil bahan mengajar masing-masing. Seorang demi seorang, mereka melangkah keluar dengan gaya yang agak malas malah seolah-olah enggan meninggalkan bilik guru. Tiba-tiba aku rasa kesunyian....


Aku juga pernah seperti Xiao Zhen, bertenaga dan bersemangat. Tapi aku tidak cukup kuat. Secara beransur-ansur, aku campakkan semua nilai kesempurnaan yang ada pada diriku, dan ikut sama dengan kumpulan ramai. Aku telah hanyut bersama arus pendapat bahawa hidup ini bukan untuk hari esok. Mungkinkah Xiao Zhen juga akan menurut jejak langkahku? Setelah beberapa lama dia di sini nanti, dan menjadi 'penyapu usang,' bolehkah dia menyapu sebersih sekarang? Aku telah cuba sedaya upaya bagi mengelakkan perkara ini dan Cikgu Chang juga berkata bahawa dia juga pernah mencuba, ketika dia masih baru. Tetapi kami berdua gagal. Betapa aku mengharapkan kejayaan Xiao Zhen, bagi menghasilkan satu perubahan! Sekurang-kurangnya ini akan membuktikan bahawa dunia tidaklah sebegitu kejam, dan masih ada bahagian yang cerah dalam hidup ini!

'Mengajar sebenarnya adalah satu pekerjaan yang paling mudah dan cepat bagi mendapatkan wang. Cari makan sahaja. Janganlah terlalu serius sangat. Kalau awak terlalu serius, awak semata-mata memeningkan kepala tanpa sebab.'

Xiao Zhen berkelulusan sains. Tapi disebabkan dia seorang guru sementara, maka banyak bebanan diberikan kepadanya. Selain dari mengajar Ilmu Hisab, Fizik dan Kimia, dia juga ditugaskan mengambil kelas-kelas Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, malah Ilmu Alam juga!

Guru-guru lain merungut kerana diberikan sampai duapuluh lima masa mengajar. Xiao Zhen mempunyai masa mengajar sampai tigapuluh lima. Baginya dia tidak ada masa rehat. Apa yang lebih mengharukan ialah semua kelas yang diberikan kepadanya adalah kelas-kelas yang 'tidak ada harapan.' Aku telah berbincang dengan Cikgu Chang mengenai hal ini, dan kami berdua merasa bahawa perkara ini terlalu tidak adil.

Kelas-kelas ini pula akan menghadapi peperiksaan. Di masa lalu, guru-guru cukup tidak bertanggungjawab dalam mengendalikan murid-murid lemah seumpama ini... Kini, peperiksaan hanya tinggal setahun setengah sahaja lagi, dan mereka terlalu gembira kerana dapat meletakkan beban ini ke atas seorang guru sementara. Bila keputusan keluar nanti, semua kesalahan akan ditanggung oleh Xiao Zhen, dan bukan oleh mereka.



Xiao Zhen seolah-olah tidak berfikir sebagaimana aku dan Cikgu Chang fikirkan. Walaupun beban kerja terlalu berat, dia menerima semuanya tanpa rungutan. Dan dia juga mencuba sedaya-upaya membantu murid-murid yang lemah itu.

Satu pagi kira-kira seminggu sesudah dia bekerja, dia datang menemui aku ketika aku sedang memeriksa buku-buku latihan di bilik guru. Dia bertanya 'Cikgu Lee pernah mengajar Ilmu Hisab di tingkatan 3F tahun lalu?'

Bila aku mengangkatkan kepala mataku bertentangan dengan matanya yang tajam dan penuh tanggungjawab itu, aku merasa gelisah. Memang benar aku mengajar kelas itu tahun lalu. Asas mereka dalam Ilmu Hisab memang terlalu lemah. Aku tidak ada pilihan lain, selain dari mengajar pelajaran asas. Tapi, selepas setengah tahun, seorang guru dari tingkatan yang lebih tinggi bertukar ke tempat lain, dan aku diarah mengambil alih kelasnya, meninggalkan tingkatan 3F kepada seorang guru lain. Aku fikir tentulah kerana asas murid-murid ini terlalu lemah maka Xiao Zhen datang menemui aku sekarang. 'Ya, saya pernah mengajar kelas tersebut,' kataku, 'selama setengah tahun. Bagaimana mereka? Terlalu lemah?'

Mereka agak lemah, tapi saya dapat mereka sangat berminat untuk belajar. Kata mereka, guru-guru yang lalu tidak mengajar dengan baik. Guru-guru tersebut tidak mengambil berat.'

'Er, sungguhkah mereka kata begitu? Saya....'

'Jangan terkejut, mereka mengecualikan saudara dan memuji saudara. Sayangnya saudara mengajar mereka hanya setengah tahun.' Wajahnya berubah menjadi lebih serius. 'Murid-murid ini mempelajari perkara-perkara yang disalahajarkan oleh guru mereka dulu. Ini bukan kerana murid-murid itu malas. Kalau kita mengajar dengan cara yang salah, bagaimana dapat kita harapkan mereka akan belajar dengan betul?'

Aku setuju dengan apa yang dikatakannya. Aku ingat yang aku juga pernah bertelingkah dengan murid-murid mengenai beberapa konsep yang mereka pegang teguh.

Mereka berkeras. 'Bagaimana ini salah? Cikgu kami dulu menerangkan begini!' Setelah aku fikirkan berkali-kali, aku yakin yang mereka salah, dan aku betul. Dan kemudian, aku terpaksa mengorbankan masa yang banyak membetulkan mereka.

Xiao Zhen pasti berpendapat bahawa aku adalah salah seorang yang boleh menolongnya. Dia kemudian mengebakkan satu cadangan. 'Saya ingin memberikan kelas tambahan percuma kepada murid-murid ini selepas sekolah. Apa fikiran saudara? Boleh saudara membantu saya?' Agak lama juga aku membisu. Aku tidak menyangka dia begitu percaya pada diriku. Bukankah di masa-masa yang lalu aku juga selalu berfikir untuk berbuat begitu? Tapi ini tentu akan potong jalan guru-guru lain dan menjadikan mereka sakit hati. Aku hampir-hampir memberitahu Xiao Zhen bahawa perkara ini bukanlah sebegitu mudah. Sekiranya dia meneruskan ranjangannya, bererti dia akan dimarahi guru-guru lain di sekolah ini. Tapi akal budiku memutuskan bahawa niatnya memang baik, dan kekhawatiran bahawa ini akan menyenggung orang lain adalah semata-mata menunjukkan kelemahan jiwaku... Aku tidak dapat menahannya dari melakukan sesuatu yang benar.

Dia dapat mengesan keraguanku lalu berkata 'Ya, walaupun saya baru seminggu di sini, saya sedar masalah yang akan saya hadapi.' Dia sudah dipengaruhi perasaan. Saya sungguh mengerti... Bagaimana guru-guru ini menjadi begitu tidak bertanggungjawab.'

'Xiao Zhen...' Aku tahu jika dia menyambung katanya bererti dia sengaja menjolok sarang tabuan. Aku memandang keliling. Mujurlah guru-guru lain dalam bilik guru ini semuanya 'sibuk.' Setengahnya membaca surat khabar, setengah pula asyik berkhayal sambil merokok, yang lainnya sedang berbincang mengenai lumba kuda minggu lepas, empat nombor ekor, pasaran saham... Tiada siapa yang mendengar apa yang dikatakan nyata atau menyedari perubahan air mukanya. 'Mari pergi ke makmal,' aku membuat cadangan. Di makmal tidak ada orang dan aku rasa perkara-perkara seperti ini lebih baik dibincangkan di sana.

Di makmal, Xiao Zhen tidak lagi dapat menahan perasaannya yang sedang memuncak itu. 'Mengabaikan kesulitan belajar bagi murid-murid yang lemah boleh dianggap sebagai tidak bertanggungjawab. Apa lagi mengambil peluang dari kesempatan ini. Ini sudah melampau! Waktu mengajar, mereka tidak mengambil berat dan buat-buat sibuk. Kemudian mereka adakan pula kelas-kelas tambahan yang diatur dengan baik di luar masa sekolah, dengan bayaran \$10/= sebulan. Bagi murid-murid dari keluarga berada, tentu perkara ini tidak menjadi masalah. Tapi bagaimana halnya dengan murid-murid miskin? Tidakkah mereka juga berhak mendapatkan pelajaran yang sempurna?'

**Bagi murid-murid dari keluarga bera-
da, tentu perkara ini tidak menjadi ma-
salah. Tapi bagaimana halnya dengan
murid-murid miskin? Tidakkah mereka
juga berhak mendapatkan pelajaran yang
sempurna?**

'Xiao Zhen,' akhirnya aku memecah kesunyian. 'Kebanyakan kami memang menyedari perkara ini. Tetapi ini adalah kenyataan hidup....'

'Maksudmu, kita biarkan sahaja segala-galanya ini ber-
lanjutan?'

'Tidak, tidak, saya tidak bermaksud begitu.' Aku se-
gera mempertahankan diri.

'Tapi mengapa terus hanyut bersama arus yang salah
dan kotor? Mengapa kita tidak... Cikgu Lee.' Mung-
kin dia dapat merasai keresahan diriku (sebenarnya aku
berasa sangat pedih kerana tidak melakukan apa yang
aku fikirkan benar), lalu segera dia mengubah nada
suaranya. 'maafkan saya, saya terlalu mengikut perasa-
an.... Saya umpama 'putik hijau.' Terlalu banyak per-
kara yang tidak saya sedari. Mungkin saya memandang
sesuatu perkara dengan cara yang amat mudah. Baiklah,
nanti kita... kita jumpa lagi...' Dia melangkah ke arah
pintu.

'Xiao Zhen,' aku kumpulkan segala kekuatan diriku.
'Boleh... boleh tunggu sebentar.'

Dia menoleh kebelakangan, di wajahnya bersinar satu
harapan baru.

'Cikgu Lee, saudara... dia berpatah balik. 'Saudara
setuju!'

'Ya, saya fikir saya boleh tolong awak, sekurang-
kurangnya dalam beberapa perkara, walaupun saya....'

Terimakasih, Cikgu Lee! Sebenarnya apa yang saya
perlukan dari saudara hanyalah pertolongan saudara me-
nyediakan bahan-bahan mengajar, mencetak dan memba-
hagi-bahagikan kepada murid-murid. Saya suka membuatnya
sendiri tapi saya tidak ada masa yang cukup, jadi
....'

'Xiao Zhen, perkara kecil seperti ini tentu dapat saya
lakukan, jangan bimbang.'

'Dan kalau boleh, harap Cikgu tidak keberatan mem-
bantu saya memeriksa buku-buku latihan. Terlalu ba-
nyak, saya tidak dapat membuat semuanya.' Dia sedikit
malu.

'Itu tidak jadi masalah, saya akan tolong.' Aku mem-
beri persetujuan tanpa ragu-ragu sedikitpun kerana aku
tahu dia begitu teliti memeriksa buku-buku latihan. Dan
dari keadaan ia terpaksa membawa balik bertimbun-tim-

bun buku latihan ke rumah setiap hari, aku mengerti bahawa dia tidak akan dapat memeriksa kesemua buku tersebut dengan sempurna dalam masa yang dikehendaki. Lebih-lebih lagi sekarang dia mahu memberi kelas tambahan percuma pula kepada murid-muridnya!

Kini, Xiao Zhen mula memberikan kelas tambahan kepada murid-muridnya dan aku cuba sedaya yang boleh membantunya dalam semua perkara. Apa yang dilakukanya memang menyakitkan hati orang lain. Bagi setengah-setengah guru, apa yang berlaku bererti memotong pendapatan tambahan mereka, atau mendedahkan betapa tidak bertanggungjawabnya mereka; dan bagi beberapa orang yang lain pula, murid-murid mula memandang rendah kepada mereka sebaliknya menyanjung tinggi Xiao Zhen.

Ada sebilangan kecil guru yang menyokong tindakan Xiao Zhen. Tetapi mereka ini kurang yakin. 'Mula-mula macam tulah. Tapi hakikatnya, apalah yang dapat dilakukan seorang diri? Aku tidak fikir dia akan dapat mengatasi hakikat ini.' Guru-guru yang menentang adalah lebih ramai. Mereka ialah orang-orang yang merasa menjadi 'mangsanya.'

Bagi mereka ini, apa yang dilakukan oleh Xiao Zhen seolah-olah membuat luka lama berdarah kembali. Bi-
la perasaan dengki terhadap Xiao Zhen makin memuncak maka langkah-langkah yang disusun bagi membu-
rukkannya dilipatgandakan. Oleh kerana aku berdiri di
pihaknya, maka akupun terlibat juga....

'Dia melakukan semuanya ini semata-mata kerana
takut tidak dapat mengekalkan pekerjaannya! Tapi wa-
lau bagaimana kuatpun dia berusaha, dia tidak akan dise-
rap ke jawatan guru tetap!'

'Aku fikir dia mesti ada tujuan lain!'

'Di luar berpura-pura begitu baik... tapi di dalam
siapa yang tahu?'

'O ya... aku agak dia tu tak dapat suami masa di U
dulu. Jadi dia cubalah di sini pula!'

'Eh, tak tengok ke mula-mula dia sampai ke sini dulu,
dia cuba rapat-rapat dengan Cikgu tu....'

Dan begitulah sehingga dua bulan berikutnya.



Aku tahan mengapa ada desas-desus yang mengaitkan kami berdua dengan cara yang begitu buruk. Aku dan Xiao Zhen selalu bekerja bersama-sama. Jadi, mengikut lojik mereka, sekiranya sepasang teruna dara selalu bersama, tentu ada sesuatu yang sedang berlaku. Tapi aku sendiri sangat jelas mengenai perkara ini.

Ketika kami bersama, apa yang kami berikan perhatian dan bincangkan hanya berkisar kepada cara-cara membantu murid-murid, bagaimana menjalankan tugas kami dan bagaimana caranya melaksanakan tanggungjawab kami dengan lebih sempurna. Xiao Zhen hanya mengambil berat mengenai cara-cara mengajar yang lebih baik bagi kebaikan murid-muridnya. Dia tidak peduli segala desas-desus di belakangnya. Katanya 'Pedulikan apa orang lain kata, selagi aku membuat perkara yang benar?'

Akhirnya pada suatu hari, pertelingkahan pun terjadi. Perkara ini berlaku tiga bulan sesudah Xiao Zhen melapur diri bertugas di sini. Seorang murid ditangkap kerana menghisap ganja di sekolah. Guru besar Encik Tan memanggil suatu mesyuarat tergempar guru-guru dan mencadangkan supaya murid ini dibuang sekolah serta merta.

Tiada siapa yang bercakap selepas guru besar mengumakukan cadangannya. Lagipun ini hanyalah pembuangan seorang pelajar sahaja. Ia tidak meninggalkan kesan kepada siapa-siapa. Peduli apa? Bukan anak kita. Semua guru berharap supaya mesyuarat ini akan segera berakhir supaya boleh mereka pulang. Lagipun tiap-tiap orang sudah biasa benar dengan keadaan ini, mengetahui bahawa mengemukakan sesuatu pendapat adalah sia-sia sahaja.

Melihat keadaan tidak mahu melibatkan diri seperti ini, Xiao Zhen tidak sanggup berdiam diri. Dia bangun, kakinya menggil kerana terlalu menahan perasaan geram.

'Encik Tan, murid ini hanya membuat satu kesalahan dan kita di sini merosakkan seluruh masa depannya. Menyingkirnya dari sekolah tidak akan menolong membuang perangai buruknya. Dia tetap menjadi penagih dadah dalam masyarakat. Apa yang patut kita lakukan ialah menolongnya. Inilah tanggungjawab yang patut kita pikul, seperti mana yang diharapkan oleh ibubapa. Sekarang kita bukannya menolong tapi membuangnya pula. Ini bererti lari dari tanggungjawab, ini...'. Dia tidak dapat meneruskan. Perasaannya tidak dapat ditahan. Barangkali dia menganggap murid ini sebagai anaknya sendiri. Bukannya aku tidak bersetuju dengan pendapatnya; tapi aku tahu bahawa dalam keadaan begini, pendapatnya tidak akan diterima langsung.

Air muka guru besar jelas berubah. 'Jadi, mengikut Cik Lim, kita harus mengekalkan murid ini dan membuktikannya menghisap ganja dan terus merosakkan nama sekolah?'

Xiao Zhen memandang kepadaku, seolah-olah me-

'Tapi mengapa terus hanyut bersama arus yang salah dan kotor?'

minta pertolongan. Aku tunduk memandang tangan-ku....

Lalu dia meneruskan pendapatnya 'En. Tan, saya rasa nama sekolah adalah perkara kedua. Perkara utama ialah sekarang kita mempunyai seorang murid penghisap dadah. Kita tidak boleh membiarkan generasi muda kita merosakkan diri mereka semata-mata kerana kita mahu menjaga nama baik sekolah tanpa sebarang erti. Menyingirkannya mungkin boleh mengekalkan nama baik sekolah, tetapi pelajar ini menjadi mangsa. Kita tidak patut buat begini! Saya fikir sekiranya kita boleh menolong pelajar ini memulakan hidup baru, ini akan merupakan satu kejayaan yang dapat kita banggakan..

En. Tan merasa tersinggung. Dia tidak pernah menyangka bahawa seorang guru sementara yang masih belum tetap dalam jawatan berani memberi syarahan kepada guru besar yang mempunyai pengalaman selama sepuah tahun dan menuduhnya pula tidak bertanggungjawab. Ini sudah melampau. Tapi dia tidak menunjukkan perasaannya. Dengan tenang dia melihat keliling. 'Cik Lim telah mengemukakan pendapatnya di sini. Apa pendapat Cikgu-cikgu lain?'

Jelas dari wajahnya guru besar mengharapkan serangan balas ke atas Xiao Zhen. Tentu sekali dalam keadaan begini ada orang yang akan mengambil kesempatan untuk mengambil hati guru besar itu.

'Apakah penting sangat seorang murid? Tugas kita ialah ke atas duapuluhan, dua ratus, dua ribu... lagi pula jika kita tidak membuangnya sekarang apa yang harus kita buat sekiranya dia terus menerus menghisap dadah? Padahal apakah yang terlalu merugikan jika kita membuangnya? Biarkan dia pergi dan menghisap dadah di luar; satu hari polis akan mengambil tindakan ke atasnya. Dan ketika itu Cik Lim tidak perlu bimbang lagi....'

Xiao Zhen hilang kesabarannya. 'Murid yang seorang inipun kita tidak dapat menolong, apa perlunya bercakap mengenai tanggungjawab ke atas beratus dan beribu!....

'Cik Lim, Cik Lim sudahpun mengemukakan pendapat Cik Lim. Sekarang berilah peluang kepada Cikgu-Cikgu lain pula!' Guru Besar memotong cakap Xiao Zhen. Xiao Zhen menoleh kepadaku kemudian memerhati sekelilingnya dengan kelopak mata digenangi air dan duduk. Pendapat-pendapat lain yang menyokong penyingiran murid tersebut semakin banyak dikemukakan.

'Kalau kita tidak singkirkan murid ini, siapa yang akan menjaganya? Siapa yang akan mengawalnya? Cik Lim? Tapi kalau perkara ini menjadi bertambah buruk, dia akan berkata, ini semua adalah kerana orang lain tidak bertanggungjawab membebankan semua tugas ke



atasnya. Saya fikir adalah lebih baik jika kita elakkan perkara yang tidak diingini ini daripada berlaku.

'Sekarang katalah ada pembesar datang dan bertanya mengenai masalah dadah, kita terpaksa terangkan bahawa kita mempunyai seorang penagih dadah. Betapa malunya kita nanti?'

'Penagih dadah mempunyai pengaruh buruk ke atas pelajar-pelajar lain. Apa akan jadi sekiranya semua pelajar keteguh hisap dadah?'

Dan seterusnya dan seterusnya....

Pendeknya mereka mengenepikan perkara utama yang dikemukakan oleh Xiao Zhen, tetapi sebaliknya mengemukakan segala pendapat yang tidak berkenaan bagi menyokong pendapat mereka. Beberapa kali Xiao Zhen cuba bangun bagi mempertahankan pendapatnya tetapi dihalang oleh guru besar sebelum sempat dia membuka mulut. Akhirnya, Encik Tam membuat pengumuman, 'kita membuat keputusan secara undi. Golongan minoriti haruslah menerima keputusan majoriti.'

Tidak perlu dikatakan lagi, penghakiman dan keputusan yang salah boleh dipersetujui oleh majoriti dan tindakan selanjutnya dibuat mengikut 'demokrasi.'

Dalam perjalanan pulang, Xiao Zhen hanya diam membisu. Xiao Zhen saya minta berbanyak maaf. Saya tidak dapat membantu awak tadi.'

Tidak mengapa, sekarang baru saya faham. Pertama untuk menyuarakan pendapat adalah sesia saja. Mereka tidak akan menerimanya. Saya terlalu jujur. Sebelum ini saya fikir kau sangat lembut, sekarang... dunia tidaklah sebegini indah seperti yang saya sangkakan.

'Jangan berputus asa. Ini mungkin merupakan satu

'Walaupun harapan saya sudah hancur, saya telah belajar satu pengalaman yang sangat berfaedah. . . Sejak hari itu, saya sedar bahawa segala apa yang kita pelajari di Universiti tidak berguna langsung apabila kita keluar ke tengah Masyarakat.'

kekalahansementara sahaja. Saya percaya segala yang awak katakan tadi telah meninggalkan kesan dan akan terus kekal dalam ingatan beberapa orang dari mereka!'

'Saya juga berharap begitu.'

Setelah beberapa lama berjalan, tiba-tiba dia bertanya, 'kau fikir perkara ini akan menyebabkan saya hilang pekerjaan?'

'Er. . . Aku tidak menyangka soalan seperti itu.

Dia mengangkat kepala dan memandang jauh. 'Saya fikir jika saya hilang pekerjaan sekalipun tidak mengapa. Saya ada dua tangan. Saya boleh membuat sebarang kerja. Saya tidak mungkin mati kelaparan. Apa kau tidak fikir begitu?'

Aku mengangguk. Dia memang benar.

Sepuluh hari kemudian, Xiao Zhen tidak datang ke sekolah lagi. Sepucuk surat ditinggalkan dalam kotak suratku.

'Saudara Lee, harap saudara tidak kecil hati dengan surat seperti ini.'

Saya telah berhenti sehari selepas mesyuarat tersebut, saya tahu saya terpaksa berhenti. Tapi saya tidak beritahu kepada sesiapa termasuklah murid-murid yang sangat saya sayangi kerana saya tidak mahu mereka terharu.

Tiga bulan di sekolah ini sungguh bererti bagi saya. Walaupun harapan saya sudah hancur, saya telah belajar satu pengalaman yang sangat berfaedah. Saya akan cari pekerjaan lain yang lebih mencabar dan memulakan yang baru. Sejak hari itu saya sedar bahawa segala apa yang kita pelajari di Universiti tidak berguna langsung apabila kita keluar ke tengah masyarakat.

Terimakasih kerana membantu saya. Saya harap kau akan terus membantu murid-murid itu. Saya sungguh merindui mereka (sampaikan salam saya kepada mereka). Apa boleh buat, saya terpaksa meninggalkan mereka. . . Dalam pekerjaan saya di masa yang akan datang, saya yakin akan bertemu dengan lebih ramai kawan lagi.

Bila ada kelapangan, tulislah kepada saya dan ceritakan keadaan murid-murid. Janganlah segan-segan untuk datang melawat ke kampung saya.'

Salam hormat

Xiao Zhen

Selepas membaca surat tersebut, terbayanglah mukanya yang riang dan kemerahan, penuh dengan azam dan semangat. Pada masa yang sama, aku terkenang segala kursus yang pernah ku pelajari di Universiti. . . saikoloji kanak-kanak, sosiologi pendidikan, kaedah mengajar, bagaimana membantu pelajar yang menghadapi masalah, bagaimana menjadi seorang guru yang baik. . . dalam teori, semuanya nampak begitu agung tetapi kenyataannya. . . apa yang boleh aku buat selain dari tersenyum sendiri dengan menarik nafas dalam-dalam. . .

PIPIT-PIPIT DI JEJAMBAT
(satu episod sebuah kota abadi)

(i)

*seekor pipit hinggap di jejambat:
bulunya koyak-koyak
penuh debu-debu
ekornya pecah-pecah
dirempuh batu-batu
atau lidi-lidi bergetah*

(ii)

- *kedua matanya hilang:
sebiji meniti mentari berkaca
sebiji meniti bulan gerhana*
- *kedua kepaknya putus:
sebelah tergantung di bintang
sebelah tergantung di awan*
- *kedua paruhnya retak:
sebelah digigit serangga
sebelah digigit kerengga*
- *kedua kakinya patah:
sebelah tersepit pintu
sebelah tersepit batu*

(iii)

*pipit-pipit ligat berterbangan
berlegar di jejambat
mencari mimpi-mimpi:
inginkan ekor diusap embun
dada diusap kabus
pial diusap awan
kepak diusap setanggi
rindukan bulu berwarna pelangi
siulan semerdu kecapi
sarang di puncak menara
terbang setinggi kejora*

(iv)

*angan-angan seekor pipit
di bawah jejambat sempit
tewas enggang di gunung
diri sendiri tersungkur di gaung
berpinar mata membanjiri sendu
masakan terkejar angin berdebu.*

Ahmad Jeffni Hassan
Kuala Lumpur.

GAGAK

*Gagak yang hitam
gagak yang kotor
gagak yang hodoh
dan gagak yang malang*
*kini bersiaplah engkau
untuk melarikan diri
ke hutan
ke bukit dan ke gunung
sebab di bandar Kelang ini
bukan lagi tempat yang selamat*
*pesta menembak kedua
akan segera diadakan
di mana sekali lagi
engkau akan menjadi target
sasaran peluru-peluru senapang*
*gagak yang hitam
gagak yang kotor
gagak yang hodoh
dan gagak yang malang*
*kenapa engkau tidak bisa bertanya
tentang siapakah sebenarnya
yang menjadi pengacau selama ini?*
*gagak!
sebenarnya engkau hanyalah
sekadar mampu mencari
seekor ikan atau sebuku roti
tetapi manusia. . .
membunuh untuk nafsu dan kuasa!*
*maka
siapakah yang lebih baik?
gagak atau orang!*

Zahari Hasib
Bank Negara
Kuala Lumpur

KELUHAN KELASI

kamar ku
menari
buaiian mendayu
mata kuyu
kamar ku
mengamuk
aku berputar
dunia kelam
emak!!!
aku ingin bertaubat

dunia sempit menjadi luas
dunia luas menjadi sempit
inilah keluhan kelasi
sejarah hidup
tergesa-gesa merintis
di pinggiran zaman
yang dicinta dalam pandangan
yang menunggu penuh perasaan

kuku besi
jeritan injin
tapak bergemuruh
pembesar suara
gelombang membanting waja
putus jari
hencut kaki
luka parut
timbunan DR (buang kerja)
berita tak tiba-tiba

ketegangan berdenyut
mencemar diri dalam khayalan
meniti benteng
rapoh
antara siuman dan sialan
kerlingan mata
kawan menjadi lawan

jika kami buas
mengertilah
keadaan sungguh mendesak
sungguh menggalak
di mana kesatuan
di mana insuran
di mana peri kemanusiaan
di mana janji
di mana 'overtime'
di mana ini
di mana itu
aku terkurung
akulah buruh tanpa negara
akulah buruh tanpa bayangan

bukan aku tak senonoh
udara daratan
tapi wang di tangan
berubah muka
berubah janji

aku tak berupaya lagi
biarlah aku mengail ikan saja
mudah-mudahan tenteram juga
jiwaku

tulang mengelitik
di atas waja kerlipan
bahang menikam sudut pandangan
air mata gelisah . . . mengalir tidak
peluh basah

peluh kering
peluh basah
peluh kering
aku tetap terpukau

ada 'overtime' tapi bukan 'overtime'
maharaja di darat buat perkiraan

meningkat untung
membahagi untung
membatas bayaran

lain yang kaya
lain yang derita
yal! aku buruh tak bernama

kesatuan tergari dalam awan ciptaan
kelasi sungguh murah
kelasi senang diperah
satu masa dulu

keluhan menemui galakan
jawatankuasa ditubuh
bersuara keadilan
jawapan ditunggu
kelasi mengira gelombang
kelasi memicit butang
kelasi mengilat waja
kelasi memandi cat dan minyak
pelabuhan bertukar rupa
cerita suka . . . cerita selingan

jawapan diterima
suka menjadi duka
duka terus mengilai ketawa
arahan baru diutarakan
jawatankuasa mengulung tikar bantal

DR dianugerahkan
lagi sekali pendekar gelunsur
ke lembah pengangguran
cuba berbakti kepada kawan

yal! tindasan menular
berbagai cara
berbagai rupa
sekarang aku mengerti
nakhoda lautan dan daratan
saling menggaru belakang
fitnah menjadi kebenaran
kebenaran menjadi fitnah
kelasi juga diuli lembut

nakhoda berkiblat lain
pegawai berkiblat lain
aku dan kapal mengusung bendera negara
mengapa aku gelisah di dalam rumah sendiri?
mengapa kita masih menjadi koloni?

mulia sungguh bulan mei
berkobar semangat
memuja buruh
nama ku tak ada dalam senarai hari jadimu
mungkin kau terlupa
takkan maharaja dan nakhoda menginsafi diri
semoga jeritan batinku sampai ke pangkuamu
aku tetap menunggu

sanir
mei 1979

Jaseni

KISAH SEORANG BIDUAN

KISAH SEBUAH FILEM YANG GAGAL

'Kisah Seorang Biduan' (KSB) yang diterbitkan oleh Deddy M. Borhan merupakan keluaran Sabah Filem. Tiga hari selepas filem ini mula ditayangkan di Kuala Lumpur, ia sudah gagal menarik penonton walaupun publisiti sudahpun banyak. Ia ternyata tidak dapat menandingi filem-filem seperti *Tiada Esok Bagimu* dan *Si Badul*.

Dahlan Zainuddin, Rosnah Abdul Rahman, Gaya Zakri, Dian P. Ramlee, Bob Mustaffa, Jeffrey Din dan A. Mahmud adalah antara bintang-bintang terkenal dalam KSB. Namun begitu, filem tersebut gagal memuaskan penonton.

Kami telah merasa hampa dan tertipu apabila filem tamat. Intisari cerita ini boleh didapati melalui senikata-senikata lagu Dhalan yang terkenal, iaitu *Kisah Seorang Biduan*. Beberapa cerita kecil untuk mengekalkan minat penonton terhadap filem ini juga diselitkan.

KSB cuba menggambarkan keperihitan yang dialami oleh Dhalan setelah ditinggalkan oleh tunangnya kerana berkahwin dengan anak seorang saudagar intan berlian yang

kaya. Kesengsaraan yang dialaminya sambil ia menjadi penyanyi yang terkemuka diceritakan. Tetapi masih mempunyai kemudian walaupun cita-citanya tercapai, jiwa nya masih terasa kosong.

Skrip filem ini gagal mengaitkan peristiwa-peristiwa yang terdapat dalam KSB. Akibatnya, filem ini kadang-kadang tergantung.

Pemaparan dari segi emosi kurang berkesan kepada imaginasi penonton. Nampaknya beberapa pelakun seolah-olah membaca dari skrip, bukan berlakun. Mutu lakunan amat rendah sekali.

Penonton-penonton tidak dapat merasakan kesengsaraan yang dialami oleh bekas tunangnya, Gaya Zakri, ketika suaminya (Bob Mustaffa) pulang ke rumah tiap-tiap malam dalam keadaan mabuk.

Dalam adengan perkelahian pula, kami dapati penonton-penonton gelak ketawa seolah-olah mereka sedang menonton sebuah filem komedi sewaktu Dhalan dan kawan-kawannya berkelahi dengan beberapa orang samseng kerana seorang pelacur. Sebenarnya, mereka ketawa

kerana adengan tersebut tidak dapat diterima akal.

KSB telah tertukar daripada filem yang serius kepada filem lucu. Oleh kerana filem ini gagal mencapai mutunya seperti yang diiklankan dan kita dapat mendengar rungutan-rungutan di kalangan penonton-penonton dalam pawagam.

Hanya Mahmud (sebagai penggubal lagu) dan Rosnah (sebagai penyanyi) saja yang berjaya memperlihatkan mutu lakunan yang baik. Bagi Dhalan pula, wajahnya terlalu sedih pada keseluruhan filem. Pengarah M. Amin harus mempertajamkan kebolehannya jika ia ingin terus kekal dalam industri perfilman.

Akhirnya setelah filem tamat, para penonton dapat merumuskan pendapat masing-masing bagaimana media tempatan telah menyelwengkan orang ramai mengenai KSB. Ini memang satu perkara yang biasa berlaku dengan filem-filem lain.

Mutu fotografi KSB amat rendah sekali. Mutu warnanya seakan-akan filem TV warna yang rendah mutunya. Nampaknya, filem ini telah dibuat tanpa perancangan yang teliti dan dalam masa yang singkat.

Kerana itulah kita merasai sesuatu yang ganjal ketika melihat Dhalan berjalan-jalan di jalan-jalanraya di Malaysia memakai baju lengan panjang dengan sebuah *haversack* di belakangnya seolah-olah sedang pergi ke pejabat.

Mungkin Sabah Filem ingin menggunakan formula yang digunakan oleh penerbit-penerbit filem Hollywood pada zaman Elvis Presley, iaitu dengan memilih seorang penyanyi terkenal. Kemudian filem tersebut diselitkan pula dengan beberapa pelakun-pelakun yang *sexy*. Diharapkan orang ramai akan terpedaya dengan publisiti yang baik. Kalaualah filem ini dibuat pada zaman Elvis dulu, mungkin filem ini akan mendapat sambutan baik. Tetapi zaman sudah berubah dan begitulah juga selera para penonton.



Dhalan
Zainuddin

DUA SEBAB MENGAPA ANDA MESTI MELANGGAN








Kurier

Pintu Pengetahuan Alam

Untuk mendapat dokumentasi yang unik dan penerangan yang bergambar mengenai tajuk ekonomi, kebudayaan, sains, sosial, sastera dan sejarah.

Untuk memperbaiki kebolehan linguistik dalam membaca Kurier dalam bahasa Malaysia dan bahasa-bahasa lain.

Melanggan Kurier tiap-tiap bulan adalah pembacaan yang penuh berilmu pengetahuan dan memperkayakan hidup bagi yang muda serta ibu bapa sekalian.




Kedaibuku Koperatif Universiti Malaya Bhd.
Peti Surat 1127
Jalan Pantai Baru
Kuala Lumpur 22-11
Tel: 54058 & 51425

Sila hantarkan naskah Kurier Unesco
Bersama-sama ini saya kembarkan sekeping cek/wang
kiriman pos berharga M\$
Nama
Alamat.

BUKU-BUKU TERJEMAHAN ILMU SAINS KEMASYARAKATAN

Buku-buku terjemahan ini dapat membantu pelajar-pelajar mengatasi masalah kekurangan bahan-bahan bacaan dan rujukan di dalam Bahasa Malaysia.



KEKELUARGAAN DAN PERKAHWINAN ORANG MELAYU SINGAPURA

Judith Djamour \$10.00

KEKELUARGAAN DAN PERKAHWINAN

Robin Fox \$6.20

LAIN-LAIN KEBUDAYAAN

John Beattie \$16.50

PEMIKIRAN BARU MENGENAI ANTROPOLOGI

E.R. Leach \$5.80



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Peti Surat 803, Kuala Lumpur, 08-08 Malaysia.
Telefon 481169 481240 481371 481437 481710